



Kaji fi tahunan
jeti nelayan

4



Universiti
Al-Madinah
di Selangor

5



Kenapa perlu
pilih UNISEL?

14



**SELANGOR
SUMBANG
22.4% KDNK**

PUTRAJAYA PERLU FAHAM FEDERALISME

“Kita mengharapkan ada pengagihan hasil dan kekayaan lebih adil dan saksama kepada Kerajaan Selangor”

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI,
MENTERI BESAR**

BERITA PENUH MUKA 3



BANTAH GST 2 APRIL

Sempena genap setahun pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), perhimpunan aman 'Undur Najib, Mansuh GST' bakal dianjurkan di ibu negara.

BERITA LANJUT MUKA 2

Genap setahun pelaksanaan

Himpunan anti GST dirancang

OLEH NORHAYATI UMOR

KUALA LUMPUR - Sempena genap setahun pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), perhimpunan aman 'Undur Najib, Mansuh GST' bakal dianjurkan pada 2 April depan di ibu negara.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Mohamad Sabu, berkata isu GST perlu diberikan perhatian supaya rakyat bangkit membantah cukai menekan itu daripada berterusan.

Katanya, perhimpunan aman dijadualkan berlangsung di Dataran Merdeka itu dijangka mendapat sokongan baik banyak pihak.

"Bila kita pergi Sarawak, semua menjawab masalah mereka berkenaan GST dan ekonomi, orang biasa terkesan dengan GST dan kejatuhan nilai mata wang," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sidang media di Pejabat Ketua Pembangkang di Parlimen, pada 15 Mac lalu.

Sementara pada 23 Mac pula bakal diadakan Himpunan Muafakat Selamatkan Malaysia.

"Kita juga menjemput mantan Tun Dr Mahathir Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Shafie Apdal dan masih menunggu pengesahan kehadiran mereka.

"Himpunan ini bergerak ke setiap negeri bermula di Selangor seterusnya ke Gelang Patah dan Kedah. Ia terbuka kepada seluruh rakyat dan membabitkan pidato, aktivis, persembahan dan deklarasi puisi," katanya.

Antara aktiviti lain adalah kaunter menandatangani petisyen Deklarasi Rakyat, petisyen membuka siasatan terhadap Najib dan petisyen pembebasan Anwar.

Turut diadakan himpunan tertutup pada 27 Mac dikendalikan



Tuntutan Himpunan Muafakat Selamatkan Malaysia

- 1 Reformasi menyeluruh sistem dan institusi negara
- 2 Pembebasan segera Datuk Seri Anwar Ibrahim
- 3 Mendesak Perdana Menteri Najib Razak meletakkan jawatan

Datuk Zaid Ibrahim dan 'grand finale' di Dewan Himpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor pada 31 Mac membabitkan pimpinan Pakatan.



Kawal masuk pekerja asing elak rakyat tempatan merana

BANGI - Kerajaan Persekutuan perlu mengawal kemasukan pekerja asing bagi mengelakkan lebih banyak masalah sosial serta peningkatan kos sara hidup rakyat.

Pensyarah Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Mohamad Nadzri Mohamed Noor, berkata negara perlu be-

lajar kesan pekerja asing di Singapura sehingga meningkatkan harga hartanah di negara itu.

"Singapura mempunyai enam juta rakyat tempatan dan dua juta rakyat luar. Harga sewa rumah meningkat serta harga hartanah dan sewa bangunan.

"Keadaan itu mengakibatkan rakyat tempatan sukar untuk

menyewa premis perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam forum Pekerja Asing: Keperluan atau Permintaan anjuran Institute for Leadership and Development Studies (LEAD) pada 14 Mac lalu.

Mohamad Nadzri berkata, penamatan kemasukan pekerja asing serta merta adalah permainan politik dan ia tidak mustahil dibuka semula jika ada permintaan kelak.

Katanya, negara tidak mempunyai modul khusus dan undang-undang ketat dalam soal pekerja asing serta mengamalkan dasar terbuka berbanding Jepun yang mendahulukan rakyat tempatan bagi memenuhi kekosongan industri.

"Kerajaan Persekutuan perlu mewujudkan imbalan dalam semua sektor dengan mengutamakan rakyat tempatan," katanya.



Harga sebuah pengorbanan, terus lawan rasuah

GOMBAK - Pemenjaraan Timbalan Setiausaha Agung KEADILAN, Yahya Shari dianggap pengorbanan dalam menentang kezaliman dan rasuah di negara ini, kata Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Biarpun keputusan itu sukar diterima semua pihak, namun kata Mohamed Azmin perjuangan membebaskan amalan rasuah perlu diteruskan bagi melahirkan pentadbiran bersih dan telus.

"Saya bangga dengan isteri dan anak-anak beliau yang tabah menghadapi ujian dan cabaran ini. Pasti mereka berikrar terus berjuang meletakkan keadilan itu di tempat sewajarnya.

"Semangat ini diperlukan kerana dalam perjuangan menegakkan keadilan dan kebenaran pastinya ada harga perlu dibayar untuk terus memperta-

hankan maruah dan integriti itu," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan di kediaman keluarga Yahya di Taman Samudera Batu Caves, pada 14 Mac lalu.

Mahkamah Rayuan pada 4 Mac lalu menjatuhkan hukuman penjara dua tahun dan dua sebatan ke atas Yahya berkenaan isu derma RM50,000 sempena sambutan 100 hari pemerintahan Pakatan Rakyat di Selangor, lapan tahun lalu.

Mohamed Azmin berkata, pihaknya komited memastikan kebajikan isteri dan anak pejuang Reformasi 1998 itu tidak dipinggirkan.

"Kita berikan sokongan kepada isteri dan keluarga khususnya dalam soal pendidikan anak-anak supaya tidak terganggu lebih-lebih lagi dalam proses pembelajaran mereka," katanya.

Berjuang demi sistem bersih

GOMBAK - Pemenjaraan suami bukanlah alasan buat Rozana Zainal Abidin untuk terus membiarkan sistem negara ditadbir kerajaan korupsi.

Rozana berkata, pendakwaan politik terhadap suami, Yahya Sahri tidak mematahkan semangatnya sebagai Penyelaras DUN Permatang untuk terus membantu jentera parti mengukuhkan lagi pentadbiran Pakatan di Selangor.

"Pesanan suami satu sahaja, walaupun jasad dia terpenjara jiwanya tetap bebas dan perjuangan itu tetap diteruskan dalam apa juga keadaan sekalipun," katanya kepada SelangorKini.

Dalam tempoh itu juga katanya, beliau memikul tanggungjawab sebaiknya sebagai ketua keluarga membesarkan empat anaknya.

Salah seorang daripada mereka, Amirah Sariyanti meneruskan pengajian di peringkat Master Ke-



Rozana Zainal Abidin

juruteraan Alam Sekitar di Universiti Putra Malaysia, September ini.

Melihat kepada perkembangan itu, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menyerahkan sumbangan dan keperluan buat keluarga Reformasi 1998 itu.

"Alhamdulillah, dengan keprihatinan seluruh pimpinan KEADILAN, saya bersyukur kerana mereka tidak tinggalkan saya ke-seorangan," kata Rozana.

Selangor penyumbang terbesar KDNK

Putrajaya tak adil agih hasil



Mohamed Azmin

OLEH NORHAYATI UMOR

KUALA LUMPUR - Kerajaan Persekutuan menerusi pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak tidak mengagihkan hasil negara untuk pembangunan secara adil dan saksama.

Ahli Parlimen Gombak, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata falsafah keadilan menuntut Kerajaan Persekutuan mengamalkan konsep federalisme iaitu kesaksamaan antara Persekutuan dan Negeri dalam aspek agihan hasil pendapatan negara.

"Namun, rakyat Selangor dan Kerajaan Negeri dihukum dengan tidak mendapat semula hasil menerusi sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada negara sedangkan tanpa sumbangan dari Selangor, ekonomi negara lebih lumpuh," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan titah Yang Dipertuan Agong, di Parlimen pada 14 Mac lalu.

Beliau yang juga Menteri Besar Selangor berkata, menerusi Laporan Prestasi Pelaburan

Negara (MIDA) baru-baru ini, Selangor berada di tangga kedua selepas Kuala Lumpur bagi sektor perkhidmatan dan terus mengungguli tangga ketiga bagi sektor pembuatan.

"Dengan ini, Selangor masih mengekalkan tangga kedua pelaburan terbesar negara bukan sahaja berjaya menarik pelabur China, Taiwan dan Korea tetapi juga Arab Saudi," katanya.

Bagaimanapun, katanya, soal kemajuan Selangor sering dipertikaikan dan didakwa hasil kemajuan dibawa melalui pentad-

biran kerajaan sebelum ini.

"Skrip sering didengar bila katakan Selangor maju ia adalah hasil Kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum ini. Saya ingat, yang letakkan asas dan infrastruktur baik, jika betulkan ia datang dari Mantan Perdana Menteri sebelum ini iaitu Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Sebab itu kita tandatangan Deklarasi Rakyat, sebab Perdana Menteri sekarang tidak ada langsung menyumbang kepada rakyat Selangor," katanya.

Pelaburan meningkat bukti ekonomi Selangor kukuh

SHAH ALAM - Prestasi pelaburan Selangor bagi 2015 mencatatkan peningkatan kepada RM7.963 bilion berbanding RM7.042 bilion pada 2014 tatkala keadaan ekonomi global tidak menentu.

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, IKS dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim, berkata pertumbuhan itu membuktikan ekonomi Selangor semakin kukuh dan lebih berdaya saing.

"Peningkatan ini adalah pencapaian menggalakkan sekali gus menempatkan Selangor berada pada kedudukan baik bagi senarai kelulusan projek berbanding negeri lain sejak 10 tahun lalu.

"Ini memberi keyakinan kepada Selangor untuk terus menerajui bidang ekonomi dengan menarik lebih ramai pelabur walaupun dalam keadaan ketidakpastian ekonomi negara sekarang," katanya kepada SelangorKini.

Sepanjang 2015, sebanyak 222 projek membabitkan pelaburan negeri diluluskan selain komitmen berterusan Kerajaan Selangor untuk meningkat jumlah pelaburan modal bagi sektor pembuatan.

Peningkatan ini adalah pencapaian menggalakkan sekali gus menempatkan Selangor berada di kedudukan baik bagi senarai kelulusan projek berbanding negeri lain sejak 10 tahun lalu



TENG CHANG KHIM
Exco Pelaburan

Pelaburan asing mencatatkan jumlah RM4.182 bilion manakala pelaburan domestik berjumlah RM3.781 bilion.

Teng berkata, Kerajaan Negeri juga memberi tumpuan terhadap sektor pembuatan yang dilihat mampu memberi pulangan besar kepada ekonomi negeri.

"Jangkaan kita berlaku penyusutan sebanyak 20 peratus pulangan pelaburan bagi 2016 nanti dengan merujuk kepada pasaran agak lembab sekarang.

"Namun kita berharap Selangor dapat mengekalkan prestasi terbaik melalui beberapa langkah proaktif," katanya.

SUMBANGAN KDNK SELANGOR (2014)

Sektor	RM (Juta)
● Pertanian <i>Agriculture</i>	3,863
● Perlombongan dan Kuari <i>Mining and Quarrying</i>	494
● Pembuatan <i>Manufacturing</i>	67,032
● Pembinaan <i>Construction</i>	13,885
● Perkhidmatan <i>Services</i>	135,094
● Tambah: Import Duti <i>Plus: Import Duties</i>	6,716

*Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Kekal destinasi pelaburan terpenting negara

GOMBAK - Peningkatan nilai pelaburan Selangor bagi tempoh 2015 membuktikan negeri itu kekal sebagai destinasi pelaburan terpenting negara, kata Menteri Besar Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Katanya, perolehan besar itu mampu menjana kepada pertumbuhan ekonomi dan pendapatan negara untuk jangka panjang.

"Pelabur asing meletakkan keyakinan tinggi dan hari ini prestasi pelaburan di Selangor berada di tangga kedua selepas Kuala Lumpur dalam sektor perkhidmatan.

"Ini membuktikan sektor ini mendapat perhatian daripada pelabur asing sekali gus mengesahkan Selangor sebagai destinasi penting pelaburan di Malaysia," katanya.

Mohamed Azmin percaya kejayaan itu berpandukan kepada prinsip ketelusan kepimpinan Selangor dan rakyat yang mahukan kerajaan telus dan bebas rasuah.



STATISTIK

Jumlah KDNK Malaysia 2014
RM1,012,506 juta

Jumlah KDNK Selangor 2014
RM227 bilion

Jumlah peratusan KDNK Selangor kepada negara
22.4 peratus

"Semua ini berlaku dan dapat kita catatkan kerana rakyat Selangor bertekad atas prinsip kebenaran dan ketelusan.

"Malah pimpinan yang ada kini juga meletakkan prinsip jelas iaitu pentadbiran berasaskan ketelusan, keterbukaan dan kebertanggungjawaban," katanya.

PRESTASI PELABURAN 2015

Negeri	Jumlah projek diluluskan	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
Johor	137	27,961,260,533	3,141,061,367	31,102,321,900
Sarawak	22	11,188,853,234	628,057,641	11,816,910,875
Selangor	222	4,182,475,177	3,781,323,683	7,963,798,860
Melaka	28	4,786,627,570	2,072,378,184	6,859,005,754
P.Pinang	107	2,225,612,058	4,498,734,915	6,724,346,973

*Sumber : Malaysian Investment Development Authority (MIDA)

OLEH SYASYA SUFIAN

SEPANG - Kerajaan Negeri sedia mempertimbangkan yuran tahunan jeti sebanyak RM800 setahun sebagai tanda kerajaan peduli rakyat ekoran keadaan ekonomi tidak menentu.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata persatuan nelayan sudah mengemukakan beberapa cadangan antaranya meminta mengecualikan yuran tahunan jeti.

"Sewaktu perjumpaan bersama persatuan nelayan, saya meminta untuk mereka menulis surat kepada Kerajaan Negeri berkenaan cadangan itu su-

Ekonomi tidak menentu

Selangor sedia kaji fi tahunan jeti nelayan

paya kita boleh pertimbangkan sebelum membuat sebarang keputusan.

"Kita prihatin berkenaan masalah ekonomi menghimpit rakyat dengan kos sara hidup semakin tinggi dan hasil tangkapan

ikan tidak menentu. Segala cadangan dipertimbangkan sebaik sahaja surat diterima," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu lawatan sempena Retreat Exco 2016, Half Day Rive Cruise Sungai Sepang Besar pada

12 Mac lalu.

Selain itu, katanya, antara cadangan lain dikemukakan adalah supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan jeti dibina Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) diberi hak pemilikan.

"Berdasarkan dasar Kerajaan Negeri, kita tidak dapat beri pemilikan tetapi kita boleh pertimbangkan Pegawai Daerah untuk mewartakan tanah ini dan kita beri pajakan kepada persatuan nelayan atau LKIM," katanya.

24 jeti haram dikenal pasti elak pencemaran sungai

SEPANG - Sebanyak 24 jeti haram dikenal pasti di kawasan Sungai Sepang Besar dan tindakan tegas bakal diambil bagi mengelakkan pencemaran sungai.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata perkembangan hutan bakau di sepanjang Sungai Sepang Besar perlu dipelihara.

"24 jeti haram yang dibina tanpa kelulusan pihak berkuasa negeri akan diambil tindakan bagi memelihara hutan bakau di sepanjang 25 kilometer sungai ini," katanya sewaktu lawatan sempena Retreat Exco 2016, Half Day Rive Cruise Sungai Sepang Besar pada 12 Mac lalu.

Katanya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) diarahkan mengaudit kawasan sungai itu untuk melihat struktur haram yang berada di sepanjang kawasan terbabit.

"Tindakan tegas diambil selepas proses audit LUAS selesai pada hujung tahun ini.

"Proses pemutihan juga sedang dilaksanakan bagi memastikan jeti haram ini tidak menimbulkan sebarang masalah seperti pencemaran sungai atau kerosakan hutan bakau," katanya.



Mohamed Azmin bersama delegasi Kerajaan Negeri meninjau keadaan sekitar di Sungai Sepang Besar

MB: PBT disaran permudahkan pengeluaran lesen niaga

SHAH ALAM - Pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor disaran mempermudah proses permohonan baru lesen perniagaan sebagai galakan kepada mereka yang berminat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata selain membantu rakyat berhadapan suasana ekonomi tidak menentu, langkah itu turut merencanakan ekonomi Selangor secara amnya.

"PBT harus melihat dalam suasana ekonomi hari ini bagaimana pengeluaran lesen perniagaan ini dapat dipermudahkan jika mematuhi peraturan dan proses.

"Jangan mempersulitkan kerana kita harus memberi peluang rakyat Selangor untuk berniaga secara teratur dan tersusun," katanya dalam satu acara di Hotel Concorde pada 10 Mac lalu.

Katanya, sementara PBT mempermudah urusan mendapatkan lesen perniagaan, Kerajaan Negeri memainkan peranan menyediakan skim pinjaman tanpa faedah, HIJRAH bernilai RM5,000 hingga

Jangan mempersulitkan kerana kita harus memberi peluang rakyat Selangor untuk berniaga secara teratur dan tersusun

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar

RM50,000 kepada peniaga yang mahu mengembangkan perniagaan.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, PBT bukan sahaja membangunkan bandar secara fizikal, tetapi turut bertanggungjawab membangunkan masyarakat yang mendiami kawasan terbabit.

"Tidak mungkin kita boleh membangunkan sebuah bandar tanpa mengambil kira keperluan dan tuntutan komuniti yang meletakkan harapan tinggi kepada Kerajaan Negeri dan PBT," katanya.

Warga emas doakan pentadbiran Selangor kekal cemerlang

SEPANG - Kesungguhan Kerajaan Selangor memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyatnya bukan sahaja diakui generasi muda, malah warga emas.

Perkara itu dinyatakan Sulaiman Harun (**gambar**) ketika lawatan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali di kediamannya di Kampung Sungai Bangkong, dekat sini.

"Saya akan sentiasa doakan semoga Selangor bertambah baik di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. InsyaAllah," katanya kepada Mohamed Azmin.

Di sebalik usianya mencecah 104 tahun, Sulaiman yang juga bapa kepada Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Noordin Sulaiman itu tetap memiliki ingatan kuat.

Apabila ditanya apakah petuannya, Sulaiman berkata, beliau mengamalkan membaca Al-Quran sekerap yang boleh.

Lebih mengagumkan, Sulaiman ma-

sih mempunyai tubuh badan sihat dan kuat berbanding warga emas lain yang mungkin seusia atau lebih muda daripadanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin meluangkan masa beramah mesra bersama penduduk Kampung Bukit Bangkong pada Majlis Kenduri Rakyat di Masjid Al-Ulum pada 11 Mac lalu.

Dalam majlis itu, Mohamed Azmin turut sempat mendengar penerangan berkenaan perkembangan s e m a s a k a m - p u n g itu.



Hab Pendidikan Serantau

Arab Saudi berkenan buka universiti di Selangor

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Kerajaan Arab Saudi komited menjalin pelaburan dalam sektor pendidikan dengan membangunkan Universiti Antarabangsa Al Madinah di Selangor.

Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata Kerajaan Negeri menyambut baik hasrat terbabit dan ia sejajar dengan hasrat Belanjawan 2016 untuk menjadikan Selangor sebagai Hab Pendidikan Serantau.

"Kerajaan Negeri sudah mengarahkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) untuk mengambil tindakan segera membantu keperluan Arab Saudi khususnya penyediaan tapak sesuai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada SelangorKini selepas menerima kunjungan hormat Yang Amat Mulia Putera Dr Bandar Bin Salman Bin Muhammad Al Saud di pejabat rasminya di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 9 Mac lalu.

Mohamed Azmin yakin kerjasama itu bukan sahaja memenuhi keperluan domestik, malah mewujudkan pusat kecemerlangan ilmu bagi rakyat Selangor dan rantau Asean.

"Ini adalah pertemuan amat bersejarah kerana buat pertama kali pemimpin tertinggi dari Kerajaan Arab Saudi berkunjung dan mengadakan perbincangan dua hala diantara delegasi Universiti Antarabangsa Al Madinah dengan Kerajaan Negeri," katanya.

Mohamed Azmin berkata, perjanjian terbabit dimuktamadkan dalam masa terdekat bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri.

Dalam kunjungan hormat itu, turut mengiringi YAM Putera Bandar ialah Imam Besar Masjid Nabawi, Madinah, Dr Abdul Bari Awwaadh Al Thobaiti.

Satu siri perjumpaan tertutup berlangsung turut disertai Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Amin Ahyia dan Exco Pendidikan, Nik Nazmi Nik Ahmad di Bilik Mesyuarat Pejabat Menteri Besar.



Stadium Shah Alam boleh guna 5 April

SHAH ALAM - Stadium Shah Alam dijangka boleh mula digunakan pada aksi Liga Super, Selangor menentang Kedah pada 5 April nanti apabila kerja menggantikan rumput baru dijangka siap sepenuhnya pada 18 atau 19 Mac ini.

Pengurus Pasukan Selangor, Amirudin Shari, berkata kerja menanam rumput jenis 'cow grass' menelan kos RM200,000 itu me-ngambil masa kira-kira tiga hari selepas ditanam sebelum akarnya menjadi kuat untuk digunakan pada perlawanan akan datang.

Katanya, 'cow grass' dipilih memandangkan ia sejenis rumput paling tahan dan digunakan di beberapa stadium termasuk di Stadium Larkin, Johor Baharu.

"Kerja ini menelan kos sebanyak RM200,000 dan kerja bermula selepas berakhir Piala Malaysia. Bukan tanam rumput sahaja, di bahagian bawah tanah juga ditanam bahan tertentu untuk mengukuhkan lagi akar bila rumput ini ditanam.

"Ini sesuai dengan keadaan Stadium Shah Alam yang terpaksa menjadi tuan rumah kepada

perlawanan antarabangsa," katanya kepada media selepas meninjau kemajuan kerja menggantikan rumput di Stadium Shah Alam pada 14 Mac lalu.

Katanya, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) turut menjalankan kerja menggantikan rumput ini pada sebelah malam ekoran keadaan cuaca panas pada masa ini.

Amirudin juga berharap tumpuan pemain ketika perlawanan dapat ditingkatkan apabila bermain di Stadium Shah Alam nanti.

Tangani gejala sosial

SHAH ALAM - Lebih sepuluh program asas menangani gejala sosial dilaksanakan Kerajaan Negeri pada melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Modal Insan.

Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad, berkata antara program dilaksanakan termasuk program pemulihan, kempen aman dan pengupayaan komuniti setempat.

"Kerajaan Negeri melaksanakan program seminar remaja/belia GeMS, program pencegahan,

han, program terapi keluarga, dan lain-lain.

"Program ini membabitkan agensi dan badan kerajaan (NGO) seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Polis, pejabat daerah, pihak berkuasa tempatan (PBT), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sebagainya," katanya.

Nik Nazmi berkata, program itu terus diperkasakan tahun ini dengan kerjasama semua pihak seperti Jelajah GeMS dan Santai Ambang Tahun Baru.

SELANGOR

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantab@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Syasya Sufian: syazwanisufian@mediaselangor.com

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

PENGURUS PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin & Shuaib Ayob

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel: 03-5523 4856 Faks: 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com

Tambah kuota haji

Tingkat jemaah 50,000 setahun

OLEH NORHAYATI UMOR

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak disaran berunding dengan Kerajaan Saudi dalam usaha meningkatkan kuota haji sehingga 50,000 jemaah setahun.

Setiausaha Agung KEADILAN, Rafizi Ramli, berkata rundingan itu termasuk memendekkan tempoh menunggu giliran untuk rakyat ke tanah suci.

Katanya, hal itu boleh dilakukan memandangkan Najib diketahui mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan terbabit.

"Saya sedia maklum jawapan Datuk Seri Jamil Khir Baharom seolah-olah menuding jari kepada komen saya sebagai sebab mengapa jemaah haji terpaksa menunggu sehingga 70 tahun untuk menunaikan haji.

"Jawapan diterima pada 9 Mac lalu menyatakan bahawa giliran jemaah haji ditentukan berdasarkan pendaftaran dahulu (awal).

"Sebab itu jawapan beliau ti-



dak tepat dan cuba menyembunyikan kelemahan kerajaan dengan memberi gambaran seolah timbal balik kedudukan kewangan Tabung Haji punca terpaksa menunggu lama," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen pada 15 Mac lalu.

Rafizi berkata, setakat Februari 2016, terdapat 2.023 juta pemegang akaun Tabung Haji mendaftar sedangkan kuota haji

hanya 0.1 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia.

"Kuota rasmi jemaah haji bagi Malaysia adalah 30,000 setahun, namun sejak beberapa tahun lalu ia hanya sekitar 22,000 setahun.

"Pada angka ini dan jumlah bakal haji seramai 2.023 juta, purata menunggu antara 40 hingga 70 tahun untuk menunaikan haji," katanya.

Demo anti DLP di Stadium Merdeka

KUALA LUMPUR - Satu demonstrasi besar-besaran membantah program Dwi Bahasa (DLP) akan diadakan pada 9 April depan di Stadium Merdeka.

Pengerusi Gerakan Mansuhkan DLP, Prof Emeritus Dr Shaharir Mohamad, berkata ia akan dimulai dengan demonstrasi di peringkat negeri terlebih dahulu.

Katanya, bagi negeri yang bercuti Jumaat, demonstrasi akan

diadakan pada 25 Mac manakala yang lain pada 26 Mac.

"Oleh kerana ada permintaan yang mahukan demonstrasi lebih besar, maka kita setuju untuk berkumpul pada 9 April jam 2.30 petang di ibu negara.

"Kita akan berkumpul di beberapa lokasi yang belum diputuskan sebelum berarak ke Dataran Merdeka.

"Kita menjangkakan seramai

20,000 akan menyertai demo itu nanti," katanya dalam sidang media di ibu pejabat Angkatan Belia Malaysia (ABIM) Pusat di sini, pada 10 Mac lalu.

Demonstrasi besar-besaran itu bukan tindakan terakhir dalam usaha membantah DLP dilaksanakan di sekolah kebangsaan, sebaliknya akan terus dirunding dengan pihak berkuasa sehingga ia dihentikan.



Majukan pendidikan teknikal dan vokasional

KUALA LUMPUR - Pendidikan Kemahiran Teknikal dan Vokasional perlu diberi perhatian Kerajaan Persekutuan supaya negara dapat mengeluarkan graduan terlatih terbaik.

Ahli Parlimen Gombak, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, berkata sumber daya manusia diyakini mampu mewujudkan pelaburan terbaik dalam sesebuah negara maju.

Katanya, selain 'political will'

Baru-baru ini belanjawan bagi sektor pendidikan dikurangkan sebanyak RM2.4 bilion. Bagaimana sektor ini diangkat jika peruntukan dipotong?

MOHAMED AZMIN
Menteri Besar

yang boleh melakukan perubahan struktur ekonomi khususnya pelabur, sektor pendidikan juga mendapat perhatian setimpal.

"Baru-baru ini belanjawan bagi sektor pendidikan dikurangkan sebanyak RM2.4 bilion. Bagaimana sektor ini diangkat jika peruntukan dipotong?"

"Apakah status bagi hasrat mendedahkan pelajar lebih awal dalam bidang kemahiran ini? Jika belanjawan dipotong adakah ia mencapai sasaran?" soalnya dalam perbincangan di Dewan Rakyat pada 14 Mac lalu.

Mohamed Azmin berkata, hanya lima peratus pelajar Malaysia mengikuti pendidikan itu berdasarkan statistik.

Katanya, ia jauh ketinggalan berbanding Singapura (25 peratus), Indonesia (53 peratus) dan Thailand (45 peratus).

"Bagaimana negara boleh menyiapkan tenaga kerja mahir jika sektor pendidikan tidak menyediakan kemudahan sepatutnya sedangkan mereka berpotensi membantu memulihkan ekonomi negara," katanya.

JPA: Peruntukan tambah, tetapi biasiswa kurang

KUALA LUMPUR - Ahli Parlimen Seremban, Anthony Loke Siew Fook mempersoalkan tambahan RM160 juta bagi biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berbanding peruntukan RM1.65 bilion.

Beliau berkata, kenyataan dibuat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said itu bercanggah dengan apa dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada 28 Januari lalu.

"Perdana Menteri mengemukakan ekoran pendapatan negara berkurangan akibat dari kejatuhan harga minyak, maka biasiswa JPA untuk pelajar cemerlang dikurangkan.

"Kalau mengikut jawapan Azalina bukan dikurangkan, tetapi ditingkatkan kepada 10 peratus iaitu RM160 juta lagi," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen di sini, pada 10 Mac lalu.

Katanya, biarpun biasiswa itu ditambah, namun didakwa bantuan kepada pelajar dikurangkan daripada jumlah sebelumnya.

Beliau berkata, seramai 747 pelajar cemerlang yang sepatutnya melanjutkan pelajaran ke luar negara kini diarahkan meneruskan pengajian di universiti tempatan.

"Kita tidak faham kenapa peruntukan ditambah tetapi bi-



Kita tidak faham kenapa peruntukan ditambah tetapi biasiswa dikurangkan seperti sebelumnya RM10,050 menjadi RM8,000 untuk pelajar menuntut dalam negara

ANTHONY LOKE
Ahli Parlimen Seremban

asiswa dikurangkan seperti sebelumnya RM10,050 menjadi RM8,000 untuk pelajar menuntut dalam negara.

"Lebih mendukacitakan 747 pelajar mendapat maklumat daripada JPA bahawa biasiswa mereka bertukar menjadi pinjaman boleh ubah," katanya.

Fokus Deklarasi Rakyat

Jatuhkan Najib dan Umno BN

KUALA LUMPUR - Deklarasi Rakyat dipersetujui memfokuskan perubahan tampuk pemerintahan negara termasuk sistem pentadbiran dan institusi kerajaan.

Naib Presiden KEADILAN, Shamsul Iskandar Md Akin, berkata isu pembebasan Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak seharusnya ditimbulkan ekoran ia terkandung dalam reformasi diperjuangkan Pakatan selama ini.

Malah, katanya, deklarasi ditandatangani Pakatan dan pembangkang bersama pelbagai pihak termasuk mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad jelas memperjuangkan perkara itu.

"Fokus kita sekarang untuk menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Umno BN pada masa sama melakukan reformasi kepada institusi kerajaan.

"Isu itu (pembebasan Anwar)

tidak timbul kerana kita sudah maklumkan pendirian kita dan deklarasi ini mendapat sokongannya sendiri," katanya kepada media di lobi Parlimen pada 10 Mac lalu.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kandungan deklarasi dipersetujui bersama Tun Mahathir yang dikatakan tidak menyentuh usaha pembebasan Anwar.

Pada masa sama, katanya, mesuarat Pakatan bersetuju mewu-

judkan sekretariat bagi melancarkan program dan kempen mempromosikan deklarasi menarik sokongan rakyat.

"Saya pasti akan ada sekretariat untuk tujuan ini termasuk Pakatan akan memperincikan semua perkara berkenaan perjanjian yang ditandatangani ramai pihak.

"Dicadangkan juga semua pihak akan terbabit bersama dalam jelajah dibuat kelak dan ia sedang dipertimbangkan," katanya.



Shamsul Iskandar

Apa motif tahan dua wartawan Australia?

KUALA LUMPUR - Penahanan dua wartawan Australia yang mengajukan soalan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkenaan sejumlah wang dimasukkan ke akaun peribadinya membuktikan ada perkara disembunyikan.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng, berkata tindakan polis menahan pengamal media untuk melakukan tugas jelas tidak wajar dan hanya menjejaskan imej negara.

"Kenapa mereka ditahan selama enam jam? Mereka tidak perlu ditahan untuk tempoh seperti itu, malah tindakan ini sangat tidak wajar.

"Ia membuktikan ada yang mahu disembunyikan dan sesuatu ditakutkan apabila media tidak boleh bertanyakan soalan seperti itu," katanya ketika sidang media di lobi Parlimen pada 14 Mac lalu.

Terdahulu, wartawan ABC Four Corners, Linton Besser dan jurukamera Louis Eroglu ditahan dan dibebaskan beberapa jam selepas menghadiri sidang media bersama Perdana Menteri di Kuching.

Kenapa mereka ditahan selama enam jam? Mereka tidak perlu ditahan untuk tempoh seperti itu, malah tindakan ini sangat tidak wajar

LIM GUAN ENG Setiausaha Agung DAP

Bagaimanapun, Najib tidak menjawab pertanyaan wartawan itu dan pasukan keselamatan kemudiannya meminta mereka beredar.

Keduanya kemudian kembali ke hotel penginapan, namun sepasukan anggota polis dari Kota Sentosa menahan mereka tidak lama kemudian.

Mereka disiasat mengikut Seksyen 186 Kanun Keseksaan kerana menghalang penjawat awam yang melakukan urusan rasmi.

The Malaysian Insider tutup berkuatkuasa 15 Mac

SHAH ALAM - Portal The Malaysian Insider (TMI) ditutup berkuatkuasa 15 Mac selepas beroperasi selama lapan tahun, kata Editornya, Jahabar Sadiq.

Beliau berkata, pemilik syarikat berkenaan, The Edge Media Group membuat keputusan itu atas sebab komersial.

"Mungkin sesuai kita tidak lagi bersiaran pada permulaan

Ides Mac (15 Mac)," kata Jahabar dalam artikel disiarkan di laman sesawang portal itu.

Sementara itu, BERSIH 2.0 dalam satu kenyataan mengucapkan terima kasih atas segala sumbangan TMI kepada seluruh warga Malaysia.

"Tahniah juga kerana sentiasa menegakkan kebenaran," tulis BERSIH 2.0 di *twitter*nya.



Tamparan hebat tangkap petugas media

SHAH ALAM - Pentadbiran Putrajaya digesa menghentikan serangan terhadap media yang menyebabkan imej negara rosak di mata dunia.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil, berkata media bebas adalah asas penting buat demokrasi yang perlu dipertahankan.

Katanya, beliau terkejut penangkapan tiga anggota pro-

gram Four Corners dari ABC Australia di Kuching ekoran 'cuba bertanya Perdana Menteri (Datuk Seri) Najib Razak berkenaan kes skandal rasuah' seperti dijelaskan penerbit program itu.

"Saya mengecam penangkapan ini yang jelas adalah satu usaha untuk menakut-nakutkan petugas media," katanya dalam kenyataan media.

Beliau berkata, ia adalah serangan hebat ke atas kebebasan media dan kebebasan bersuara.

"Dari segi prinsip, mereka tidak patut ditahan hanya kerana ingin menanyakan soalan kepada Perdana Menteri.

"Sebarang usaha untuk mendakwa anggota media kerana melaksanakan tugas mereka patut dikecam," katanya.

Isu RM27 juta perlu penjelasan sebenar

KUALA LUMPUR - Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman digesa memberi penjelasan berkenaan isu RM27 juta dimasukkan ke dalam akaun Datuk Seri Najib Razak.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua, berkata hal itu ekoran terdapat percanggahan kenyataan beliau dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Bagaimana RM27 juta dimasukkan ke dalam akaun Najib daripada SRC International dan RM3.2 juta digunakan untuk membayar kad kredit beliau?"

"Azalina perlu menjawab isu itu ekoran ia bercanggah dengan kenyataan SPRM dan kenyataan Peguam Negara yang mendakwa RM3.2 juta digunakan untuk membayar kad kredit," katanya



dalam sidang media di Parlimen pada 14 Mac lalu.

Pada masa sama, Pua berkata, beliau tidak teragak-agak membawa perkara itu ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Parlimen ekoran kenyataan mengilirukan.

"Ini penting untuk dijelaskan. Adakah beliau menafikan perkara ini hanya kerana menutup kes bos

Bagaimana RM27 juta dimasukkan ke dalam akaun Najib daripada SRC International dan RM3.2 juta digunakan untuk membayar kad kredit beliau?

TONY PUA
Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara

beliau?

"Saya juga mahu mempersoalkan sejak bila SPRM membuat syor bahawa Perdana Menteri tidak bersalah sedangkan badan itu mengatakan hal berkenaan belum siap siasatan sepenuhnya," katanya.

FGVH didesak batal perjanjian ambil alih syarikat bermasalah

KUALA LUMPUR - Felda Global Venture Holdings (FGVH) didesak membatalkan perjanjian bagi pengambilalihan syarikat bermasalah di Cameron Highland.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara, Tony Pua mendakwa syarikat berasal dari China itu dikhuatiri bermasalah ekoran kegagalan melaksanakan audit syarikat sejak 2013.

Katanya, FGVH didapati menandatangani perjanjian pembelian sebanyak 55 peratus iaitu RM976 juta.

"Persoalan besar perlu dijawab FGVH adalah mengapa mahu membeli syarikat gagal melaksanakan audit dan didapati membayar deposit sebanyak 25 peratus iaitu kira-kira RM600 juta.

"Jumlah deposit ini terlalu besar berbanding jumlah deposit biasa iaitu tiga hingga sepuluh peratus," katanya dalam sidang media di Lobi Parlimen pada 15 Mac lalu.

Pada masa sama, beliau turut mendesak Ahli Lembaga Pengarah FGVH menangguhkan pengambilalihan sehingga audit bagi 2014 dan 2015 selesai.

"Sebelum ini, FGVH didapati membuat pengambilalihan syarikat perladangan seluruh negara termasuk United Plantation (RM 1.2 bilion), Asian Plantation Ltd (RM 568 juta) dan Felda Iffco South China (RM 181 juta).

"Begitu juga Engle High Plantations dengan membeli tiga kali ganda dari harga pasaran. Ini adalah penilaian tidak masuk akal," katanya.

Halang pendebat satu penganiayaan



SHAH ALAM - Tindakan menghalang jaguh debat Asia, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman daripada menghadiri program di beberapa universiti amat mendukacitakan.

Pengarah Komunikasi KEADILAN, Fahmi Fadzil, berkata universiti sepatutnya menjadi medan pertembungan dan per-

saingan idea, bukannya tempat menyimpan katak di bawah tempurung.

"Malangnya sikap pentadbir universiti sekarang menganiaya pelajar mereka sendiri seolah menafikan wujudnya kepelbagaian idea dan suara dalam masyarakat hari ini.

"Sikap pentadbir seperti yang kita lihat ini hanya menghalang pendewasaan minda anak muda," katanya dalam kenyataan pada 11 Mac lalu.

Terdahulu, Saddiq yang turut menandatangani Deklarasi Rakyat menggesa perletakan jawatan Datuk Seri Najib Razak, dilarang berucap di tiga universiti awam tempatan.

Universiti terbabit adalah Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Fahmi berkata, tindakan itu terlalu biasa digunakan untuk menghalang suara mereka yang dianggap musuh kerajaan dari memasuki institusi pengajian tinggi.

"Saya menggesa halangan ini dihentikan dan semua yang dihalang sebelum ini wajib dibenarkan masuk menyertai program di mana-mana universiti sekalipun.

"Tanpa perbezaan pendapat yang lahir dari wacana dinamik dan sihat, Malaysia tidak mampu melahirkan bangsa yang benar-benar berdikari pada masa hadapan," katanya.

Pegangan prinsip politik

Beza Anwar, Tun Razak, Tun Mahathir dan Najib

OLEH **NAZLI IBRAHIM**

SHAH ALAM - Berpegang idea dan prinsip jelas sebelum melangkah ke gelanggang politik adalah ciri penting dimiliki Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas Perdana Menteri kedua, Tun Abdul Razak Hussein.

Timbalan Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL), Dr Shahrudin Badaruddin, berkata Anwar adalah aktivis mahasiswa dan aktivis badan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan pelbagai isu.

"Tun Abdul Razak pula walaupun menjadi Perdana Menteri di sebuah

negara demokratik, tetapi turut memiliki gaya pemikiran bercirikan sosialis.

"Semasa belajar di luar negara, beliau banyak terlibat dengan rakan sosialis hingga menjadikannya juga berfikir sama yang sehingga kini cuba disorok.

"Apabila Dasar Ekonomi Baru (DEB) digubal pada masa itu, sebenarnya ia hanya ada di negara sosialis sahaja dan begitu juga dengan Tun Mahathir Mohamad ada pijakan tertentu sebelum sertai politik," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Akademi Politik bertajuk Mahasiswa: Aktivisme dan Politik Perubahan di Hotel Carlton, Shah Alam, pada 13

Mac lalu.

Katanya, beberapa idea Anwar semasa bergelar aktivis juga berjaya dilaksanakan sebelum dan selepas menyertai kabinet seperti idea menubuhkan Bank Islam, Universiti Islam Antarabangsa dan sistem Takaful.

Shahrudin berkata, keadaan ketiga mereka itu jauh berbeza dengan Datuk Seri Najib Razak yang menceburi politik ekoran diseret untuk meneruskan legasi bapanya.

"Dinasihatkan kepada mahasiswa, kalau mahu ceburi politik, fikirkan dahulu idea dan prinsip yang jelas dan peganglah untuk memandu kamu ke matlamat perjuangan," katanya.

Demi Malaysia lebih baik cabaran besar digalas

SHAH ALAM - Tiada yang mudah berkenaan perjuangan, tetapi itu 'terpaksa' dihadapi Nurul Izzah Anwar tatkala mengambil keputusan melangkah ke dalam gelanggang politik beberapa tahun lalu.

Cabaran dihadapi bukan biasa, malah membabitkan cubaan mengaibkan maruah dan keluarganya ekoran kedudukan sebagai anak sulung kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Setiap ahli politik ada cabarannya tersendiri dan saya tidak terkecuali. Halangan saya adalah mencuba mengadaptasi keadaan pada masa ayah terpenjara.

"Maka tanggungjawab saya memastikan kempen politik beliau ter-



Nurul Izzah

masuk aktivis dan masyarakat madani ditekan kerana menyuarakan hak sivil masing-masing," kata Ahli Parlimen Lembah Pantai itu selepas menghadiri

Program Akademi Politik di Hotel Carlton pada 13 Mac lalu.

Selain berdepan cabaran serangan musuh politik, kerap meninggalkan anak turut menjadi cabaran berat buat Nurul Izzah.

Namun, katanya, sokongan diberikan ahli keluarga, rakan politik dan masyarakat sekeliling menyebabkan beliau semakin tabah berhadapan cabaran politik.

"Tentu kita berusaha dan selebihnya bertawakal kepada Allah, tetapi dalam negara demokratik sepatutnya undang-undang adil untuk semua tidak kira golongan Umno atau tidak.

"Ini cabaran utama apabila saya terpaksa meninggalkan anak-anak bagi memberi mereka kehidupan lebih baik," katanya.

Politik ibarat perang, semua terlibat

SHAH ALAM - Semua pihak perlu prihatin terhadap perkembangan politik ekoran ia memberi kesan kepada dasar pentadbiran dan corak kehidupan masyarakat.

Panelis forum Akademi Politik, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata arena politik diibaratkan seperti medan perang yang memberi kesan kepada semua lapisan rakyat termasuk pengamal perubatan.

"Keputusan dibuat orang politik juga memberi kesan terhadap kehidupan rakyat.

"Suka atau tidak kena ambil tahu berkenaan politik sebab walaupun kita tidak suka peperangan, tetapi bila perang semua orang terlibat, jadi kita kena sama-sama pastikan ia tidak terjadi," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Akademi Politik di Hotel Carlton pada 13 Mac lalu.

Katanya, antara isu membabitkan pengamal perubatan adalah kerajaan



memutuskan doktor tidak lagi dibenarkan memberi diskripsi ubat kepada pesakit, sebaliknya ditentukan ahli farmasi.

Katanya, keadaan itu menyebabkan pemilik klinik persendirian menanggung kos tambahan menggaji ahli

farmasi bertauliah.

"Selepas saya berikan penerangan kepada mereka, semua mengubah fikiran untuk mengambil tahu isu politik bagi memastikan ahli politik dipilih mampu membentuk dasar tidak membebaskan rakyat," katanya.

Persoal kewajaran pelaksanaan

Penduduk Kuala Kubu Bharu bantah parkir berbayar

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) disaran kan menangguhkan pelaksanaan sistem parkir berbayar sehingga memperolehi pilihan lebih baik dan tidak membekankan rakyat.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong, berkata beliau kesal dengan kenyataan MDHS berkenaan isu pelaksanaan parkir berbayar di pekan itu.

Katanya, beliau terkejut apabila MDHS kononnya terpaksa menanggung kerugian kepada syarikat konsesi bernilai jutaan ringgit.

"Syarikat mendapat keuntungan tanpa melaksanakan perkhidmatan jika sehingga tamat tempoh perjanjian MDHS

masih belum melaksanakan sistem letak kereta berbayar," katanya dalam kenyataan.

Beliau mempersoalkan perjanjian ditandatangani MDHS pada 1999 bagi tempoh 20 tahun itu seolah-olah berat sebelah dan tidak dilakukan demi kepentingan awam.

"Memandangkan MDHS tidak melaksanakan sistem letak kereta berbayar itu pada 17 tahun lalu, adakah ini bermaksud jika ia dilaksanakan tahun ini maka ia hanya tamat pada 2036?" soalnya.

Katanya, persoalan itu perlu mendapat penerangan jelas dan semua pihak berhak mengetahui perjanjian konsesi terbabit.

"Saya menulis surat kepada Menteri Besar memohon supaya Kerajaan Selangor membuat

pengklasifikasian semula terhadap status perjanjian konsesi itu.

"Kita mahu dokumen perjanjian itu tidak lagi tertakluk di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972, seterusnya memberi akses kepada awam untuk mengetahui dan membuat penilaian terhadap keseluruhan isi kandungan perjanjian konsesi," katanya.

Katanya, beliau sentiasa menyokong MDHS mendapatkan bantuan Kerajaan Negeri apabila merasa keberatan menampung kos perkhidmatan pembersihan berjumlah RM146,100 sebulan iaitu RM1.68 juta setahun.

"Difahamkan lebih 2,000 penduduk sekitar Kuala Kubu Bharu membantah pelaksanaan sistem letak kereta berbayar di pekan Kuala Kubu Bharu," katanya.



Muafakat faktor kejayaan Taman Universiti Utama

SHAH ALAM - Kerjasama kukuh tanpa mengharapkan ganjaran antara faktor kemenangan penduduk Taman Universiti Utama, Seksyen 30 Shah Alam mengondol lima kategori dalam Anugerah Hijau Zon Bersih Mini MBSA 2015 (Mini ZEEBEE) kali ini.

Mantan Ahli Majlis Zon 11, Norhalim Sirome, berkata kerjasama erat itu membolehkan kawasan yang mengalami longkang tersumbat berjaya diubah landskapnya menjadi menarik selain tempat menternak ikan.

"Alhamdulillah atas kejayaan diraih hasil sokongan dan kerjasama kukuh antara penduduk yang rajin bekerja dan

bergotong royong tanpa mengharapkan upah.

"Saya sudah masuk pertandingan ini dua kali, tetapi saya tidak melihat kerjasama seperti ditunjukkan penduduk Taman Universiti Utama, inilah keistimewaan mereka," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penganugerahan Anugerah Hijau Zon Bersih Mini Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) Tahun 2015 di Hotel Concorde pada 10 Mac lalu.

Katanya, hadiah kemenangan itu akan dimanfaatkan untuk membiayai aktiviti kemasyarakatan penduduk taman terbabit.



5 Kategori Mini ZEEBEE dimenangi Taman Universiti Utama

- Anugerah Utama Kategori Taman Perumahan
- Pengerusi (Majlis Perwakilan Penduduk) MPP Mini ZEEBEE terbaik
- Pembentangan konvensyen terbaik
- Kitar semula terbaik
- Amalan terbaik

Roshni Bazaar beroperasi seperti biasa

SHAH ALAM - Peniaga kecil di Roshni Bazaar, Seksyen 7 di sini dibenarkan menjalankan perniagaan mereka seperti biasa di bangunan terbabit.

Ketua Pegawai Operasi Selaman Sdn Bhd, Dzulkarnain Ahmad, berkata isu penamatan sewa peniaga seperti didakwa adalah salah faham antara penyewa kecil dan operator dilantik, Selasih Purnama Sdn Bhd.

"Selaman tidak memperbaharui kontrak penyewaan dengan Selasih Purnama yang bertindak sebagai operator bangunan terbabit.

"Manakala peniaga kecil pula masih boleh meneruskan perniagaan mereka dengan membayar terus sewaan kepada kami," katanya dalam kenyataan kepada SelangorKini pada 10 Mac lalu.

Dzulkarnain berkata, pihak yang mengatur sidang media pada 9 Mac lalu sepatutnya berhubung terus de-

ngan Selaman untuk mendapatkan penjelasan lanjut bagi mengelakkan salah faham berlaku.

Pihaknya juga akan mengambil alih urusan penyelenggaraan, pembersihan dan lain-lain tugas di bazaar itu.

Pada masa sama, katanya, pihak operator (Selasih Purnama Sdn Bhd) pada awalnya membuat tuntutan untuk menyambung penyewaan bangunan sehingga 2018 ke mahkamah tinggi.

Walaubagaimanapun, katanya, mahkamah memutuskan perjanjian penyewaan sudah tamat pada 28 Februari 2015.

Namun sehingga hari ini, beliau berkata Selasih Purnama masih enggan menyerahkan milikan kosong bangunan terbabit kepada Selaman.

Selaman Sdn Bhd adalah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).



Zaini (tengah) mewakili peniaga di Roshni Bazaar

Cuaca panas berpanjangan

Banyakkan minum air

OLEH LIZAWATI MADFA

SHAH ALAM - Orang ramai dinasihatkan meminum air kosong dalam kadar banyak tanpa menunggu rasa dahaga dan mengurangkan aktiviti luar di siang hari.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata pengambilan minuman beralkohol dan kafein juga perlu dielakkan kerana ia menyebabkan badan lebih cepat terhidrasi.

Katanya, minuman isotonik pula digalakkan bagi menggantikan garam dan mineral yang hilang akibat berpeluh.

"Ibu bapa perlu memantau aktiviti anak, kurangkan melakukan aktiviti di luar dan dapatkan rehat yang secukupnya, sentiasa menggunakan kipas angin dan penghawa dingin serta mandi.

"Jika terpaksa melakukan aktiviti di luar, pastikan

memakai pakaian bersesuaian, tidak ketat dan berwarna cerah selain menggunakan topi dan payung bagi mengurangkan risiko," katanya dalam kenyataan.

Jabatan Meteorologi meramalkan cuaca panas ekstrem sehingga penghujung Mac ini ekoran fenomena El-Nino.

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail dalam laporan media berkata, suhu dijangka berkurangan dan cuaca kembali lembab menjelang peralihan monsun sekitar April nanti.

Beliau turut menafikan dakwaan kononnya fenomena berlaku disebabkan ekuinoks.



400 sahut cabaran 'The Ride of Honour'

SUBANG JAYA - Kira-kira 400 pengayuh basikal memeriahkan program kayuhan basikal 'The Ride of Honour' sepanjang 22 kilometer bermula dari Kompleks Kemudahan Kemasyarakatan (3K).

Ia diadakan sempena menghormati Allahyarham Shamsul Aizat Mohamad Basar yang terbabit dalam kemalangan di Lebuhraya Shah Alam (KESAS) berhampiran persimpangan Summit USJ pada 24 Disember lalu ketika berbasikal.

Presiden Persatuan Berbasikal Masters Malaysia, Shaharudin Jaffar, berkata objektif utama acara itu diadakan bertujuan meningkatkan kesedaran ke-

Mesej ini penting buat pengguna supaya peka dengan keselamatan diri sendiri dan bertolak ansur antara satu sama lain semasa menggunakan jalan raya

SHAHARUDIN JAFFAR
Presiden Persatuan Berbasikal Masters Malaysia



selamatan diri kepada orang ramai khususnya pengguna lebuhraya.

"Mesej ini penting buat pengguna supaya peka dengan keselamatan diri sendiri dan bertolak ansur antara satu sama lain semasa menggunakan jalan raya.

"Kita mahu pengguna lebih peka dan mereka harus berkongsi jalan raya antara satu sama lain bagi mengelakkan kejadian seperti ini berulang kembali," katanya kepada SelangorKini.

Shaharudin yang juga bekas pelumba basikal negara berkata misi itu turut dianjurkan bagi mengumpul dana untuk keluar-

ga Allahyarham.

Katanya, ia bagi meringankan beban dihadapi selepas kematian Allahyarham.

"Misi ini juga bagi merayu kepada pihak berkenaan untuk menjadikan laluan berbasikal Subang-USJ selamat kepada semua penunggang basikal seterusnya mengurangkan risiko kemalangan," katanya.

Acara itu juga menyaksikan peserta memakai kemeja T berwarna putih sebagai tanda hormat kepada Allahyarham.

Peserta kayuhan itu juga turut berhenti di kawasan kemalangan Allahyarham yang ditandakan dengan bendera Malaysia.

PAMERAN HARTA TANAH BUMIPUTERA (SELANGOR) 2016

Bermulanya hidup baru dengan memiliki rumah impian

JOM BELI RUMAH!

- ◆ **26-27 MAC 2016**
- ◆ **11.00 PG. - 7.00 MLM.**
- ◆ **SHAH ALAM CONVENTION CENTRE (SACC)**

DIANJURKAN OLEH:

mme Sdn. Bhd.
Perunding Acara, Pameran,
Lathan, Seminar dan Pemasaran

PEMAJU BERWIBAWA

IJM LAND

Sime Darby
Property

UEM
SUNRISE
A member of UEM Group

SPNB

*Ditawarkan oleh pemaaju perumahan yang terpilih sahaja


www.bpex.com.my

Bumiputera Property Exhibition

Untuk maklumat lanjut,
sila hubungi:

03 4142 1151

- * Rebat menarik menanti anda
- * Wang pendahuluan yang rendah
- * Percuma yuran guaman





**SEMUA DIJEMPUT
HADIR**

KARNIVAL

Kampungku Kesayanganku

"Smart Selangor, Maju Sejahtera"

KLANG

25-26 MAC 2016

**MASJID AL-BAKRI
KG. BUKIT NAGA**



YB Dato' Dr.
Ahmad Yunus Bin Hairi
EXCO Kerajaan Negeri

YAB Dato' Seri
Mohamed Azmin Bin Ali
Dato' Menteri Besar

YB Shuhaimi Bin Shafiei
ADN Sri Muda

**KAYUHAN KAMPUNGKU
KESAYANGANKU
BERSAMA YB EXCO**



**KEJOHANAN SEPAK TAKRAW PIALA YB
DATO' DR. AHMAD YUNUS HAIRI DAERAH KLANG**

PERTANDINGAN mewarna • cipta kad 2D • seni khat
• gubahan sirih junjung • masakan tradisional • kuih tradisional

AKTIVITI sukaneka • meneroka angkasa
• memamah tradisional • suppa duppa

MAJLIS PERASMIAN 3K & FORUM PERDANA 3K

TAHNIK & SEMBANG SANTAI HD

AKAD NIKAH PERDANA

KLINIK "Wudhuk Sempurna, Jimat Air"

GERAI Pameran dan Jualan

KENDURI RAKYAT

Maklumat Lanjut hubungi

03 3371 1963

PERCUMA!!



TUKAR MINYAK HITAM

GUNTING RAMBUT



**RAWATAN MUKA
& DANDANAN
RAMBUT**



Ust. Mohammad
Ramzi Ishak
moderator

Ustaz
Nik Bakri
Sabtu



Ustaz Harryanto
Rizal Rokman

PU Hafiz



Tuan Mohd
Hairudin
Abd. Rahim
Jumaat

Forum Perdana
"Muafakat membawa Berkat"

**Kuliah
Maghrib**



Dr. Mir
Hazil

Ustaz
Amir
Hufaz

Ustaz
Mohd Faryzan
Subkhi

**"Hijrah Diri"
Sembang
Santai**



Anjuran: Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam,
Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa & Kampung Tradisi



01



02



03



06



05



04



07

01
ADN Batu Tiga, Rodziah Ismail mencuba sendiri teknik membuat roti canai sempena sambutan Hari Wanita peringkat Selayang

03
ADN Ijok, Dr Idris Ahmad memantau keadaan parit bersama pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor di DUN berkenaan

05
ADN Kota Alam Shah, Ganabatirau Veraman bersama Teresa Kok mengedarkan 400 jambak bunga kepada orang ramai di Pasar Malam Jalan Mengkuang

07
ADN Rawang, Gan Pei Nei bertemu dengan masyarakat Mah Meri di Pulau Carey

09
ADN Sabak, Sallehen Mukhyi menziarahi penduduk di Taman Muhibbah, Sabak sambil menyampaikan sedikit bantuan

02
ADN Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hassan menyampaikan sumbangan kepada mangsa ribut di DUN terbabit

04
Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud menyantuni penduduk kawasan Kota Raja dan menyampaikan bantuan

06
ADN Sungai Pinang, Dato' Teng Chang Khim bersarapan dan berbual bersama penduduk di Kampung Rantau Panjang

08
ADN Batang Kali, Mat Nadzari Ahmad Dahlan menyampaikan bantuan kepada pesakit rabun mata kronik



08



09

Transformasi bertaraf antarabangsa

UNISEL kini tampil berbeza

OLEH NAZLI IBRAHIM



SHAH ALAM - Fasa transformasi dilalui Universiti Selangor (UNISEL) mampu membawa institusi pengajian tinggi (IPT) milik Kerajaan Negeri itu ke peringkat lebih tinggi dengan



menawarkan suasana pembelajaran selesai dan akademik bertaraf antarabangsa.

Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman, berkata sejajar slogan 'Peneraju Transformasi', proses itu dimulakan dengan membaiki dan memperbaharui kemudahan infrastruktur di universiti terbabit.

"Transformasi pertama memabatkan pembangunan fizikal dan infrastruktur dengan menjadikan bangunan UNISEL yang lesu dan kusam kepada lebih ceria, memperbaiki kemudahan asas seperti kebocoran di setengah bangunan, memasang penghawa dingin baru dan kero-

sakan fizikal lain.

"Transformasi ini juga bukan sahaja menawarkan program akademik, tetapi pada masa sama sebagai universiti mempunyai nilai kemanusiaan dan kecemerlangannya.

"Aspek keduanya pula pembinaan sumber manusia itu sendiri. Dalam konteks hari ini, saya melakukan pendekatan supaya mereka faham mengapa mereka berada di UNISEL," katanya kepada SelangorKini di pejabatnya di kampus utama UNISEL, Shah Alam pada 15 Mac lalu.

Katanya, kerja pemasangan penghawa dingin baru dijangka bermula hujung Mac ini bagi menggantikan penghawa dingin lama yang tidak pernah ditukar sejak UNISEL mula dibuka.

Manakala bagi aspek pembinaan sumber manusia, Dr

Redzuan menekankan aspek kerohanian bagi menjadikan sumber insan lebih berkualiti menjalankan tanggungjawab.

"Kita menjangkakan dalam tempoh enam bulan ini, lebih banyak proses transformasi dengan adanya sokongan Kerajaan Negeri dan semua pihak termasuk masyarakat.

"Pendekatan kerohanian ini supaya mereka ada elemen tambahan dan sedar mereka bukan sekadar makan gaji, tetapi pada masa sama mempunyai unsur kebaktian dan kebajikan yang perlu digerakkan.

"Kita juga ada program kuliah agama sebelum Solat Jumaat sebulan sekali dan merangka program lain yang boleh menambah ilmu termasuk untuk wanita pada hari Jumaat mengikut kokurikulum berdasarkan permintaan," katanya.

Kenapa perlu pilih UNISEL?

SHAH ALAM - Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman menggariskan kelebihan ditawarkan Universiti Selangor (UNISEL) sebagai tempat menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi berbanding institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) lain.

Katanya, antara kelebihan ditawarkan adalah UNISEL mampu menyediakan tenaga pengajar mempunyai rekod kecemerlangan diperakui pihak bertanggungjawab.

"UNISEL ditaja Kerajaan Negeri dan anak Selangor diberi insentif tertentu, tetapi yang penting apabila bercakap berkenaan pelajar baru.

"Berdasarkan pandangan pelajar sendiri melalui kajian dibuat, pelajar melihat pembelajaran kita tawarkan adalah terbaik," katanya kepada SelangorKini.

Pada masa sama, beliau berkata, UNISEL mempunyai tenaga pengajar dengan rekod cemer-

lang terdiri daripada penerima Anugerah Akademi Negara, 12 profesor dan lebih 30 peratus pensyarah memiliki PHD.

Katanya, rekod kecemerlangan di UNISEL turut menjadikan graduan lulusan universiti terbabit laris dalam pasaran pekerjaan berbanding IPTS lain.

"Bila kita tanya pelajar sebab apa memilih UNISEL, mereka kata berpuas hati terhadap pembelajaran diterima daripada pensyarah," katanya.

Selain itu, UNISEL juga mampu menawarkan yuran pengajian rendah dan kompetitif berbanding IPTS lain dengan perbezaan besar sehingga mencecah RM10,000.

Ketika ini juga UNISEL sedang menjalani proses transformasi besar-besaran dengan meningkatkan dan membaiki kemudahan infrastrukturnya untuk kemudahan dan keselesaan pelajar.

Semua golongan berhak terima pendidikan berkualiti

SHAH ALAM - Universiti Selangor (UNISEL) mengekalkan pendirian bahawa semua golongan berhak menerima pendidikan berkualiti tanpa diskriminasi di sebalik perbezaan idealogi politik.

Naib Canselor UNISEL, Profesor Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman, berkata pihaknya turut menghormati semangat ditunjukkan Kementerian Pendidikan yang sanggup berkerjasama dengan universiti terbabit.

"Kita dapati sambutan sekolah agak baik walaupun sekolah berada di bawah Kementerian Pendidikan dan UNISEL di bawah Kerajaan Negeri iaitu dua pemerintahan berbeza.

"Tidak betul jika ada me-

ngatakan orang Selangor tidak menyokong Kerajaan Negeri, malah sokongan kepada Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali juga baik," katanya kepada SelangorKini pada 15 Mac lalu.

Beliau berkata, pihaknya sentiasa mengambil pendekatan tidak mempolitikkan pendidikan dan memberi peluang pendidikan sama rata kepada semua.

Katanya, UNISEL juga mengambil langkah menjadikan sekolah di Selangor termasuk vokasional sebagai sekolah angkat bagi mewujudkan peluang kepada pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke universiti itu.

"UNISEL turut menjalankan pemasaran agresif secara terus kepada sasaran dengan mengadakan promosi di sekolah dan

Kita dapati sambutan sekolah agak baik walaupun sekolah berada di bawah Kementerian Pendidikan dan UNISEL di bawah Kerajaan Negeri iaitu dua pemerintahan berbeza

DR MOHAMMAD REDZUAN
Naib Canselor UNISEL

mengadakan pertemuan dengan orang ramai dalam program Memasyarakatkan UNISEL," katanya.



Tiga lokasi kursus didik anak usahawan

HIJRAH lahir insan cemerlang



HULU LANGAT – Bertepatan dengan matlamat Kerajaan Negeri membangunkan modal insan dan spiritual, HIJRAH Selangor dengan kerjasama Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi menganjurkan aktiviti khusus untuk anak-anak usahawan HIJRAH bagi memastikan musim cuti sekolah dimanfaatkan sebaiknya.

Diadakan serentak di tiga lokasi sekitar Selangor itu membabitkan kursus 'Pembangunan Insan Profesional' di Kem Wirajaya Forest Resort, Sungai Congkak, 'Smart Caliph' di Kem Kalumpang Resort dan 'Remaja Bestari' di Warisan Sembilang Jeram.

Program 2 hari 1 malam itu disasarkan kepada anak usahawan HIJRAH berumur 12 hingga 17 tahun.

Ketua Pengurus Operasi HIJRAH, Roslim Md Akhir, berkata sebanyak 120 tempat disediakan untuk anak usahawan bagi merealisasikan matlamat Program

Program ini dianjurkan bagi mengisi masa lapang anak usahawan di musim cuti sekolah dengan menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam pembangunan modal insan merangkumi aspek kepimpinan, membina sikap positif, daya saing tinggi, mengenal diri dan potensi. Usahawan perlu rebut peluang ini

ROSLIM MD AKHIR
Ketua Pengurus Operasi HIJRAH



Mikrokredit HIJRAH dalam pembentukan modal insan lestari dengan menekankan pembentukan institusi kekeluargaan dalam masyarakat sebagai menjadi faktor penentu dalam pembangunan sesebuah negara.

"Program ini dianjurkan bagi mengisi masa lapang anak usahawan di musim cuti sekolah dengan menambah ilmu pengetahuan khususnya dalam pembangunan modal insan merangkumi aspek kepimpinan, membina sikap positif, daya saing tinggi, mengenal diri dan potensi. Usahawan perlu rebut peluang ini," katanya ketika menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Pembangunan Insan Profesional di Sungai Congkak, baru-baru ini.

Roslim berharap program terbabit menjadi titik mula untuk masa depan lebih cemerlang kepada peserta dengan mempraktikkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang mengikuti kursus.

Sementara itu, Bahagian Khidmat Profesional HIJRAH kini giat menyusun program usahawan yang bakal menemui peserta di tiga lokasi pada penghujung Mac dan April ini.

Kepada Usahawan HIJRAH yang berminat boleh menghubungi Pejabat Cawangan HIJRAH berdekatan untuk mengesahkan penyertaan.



TAMAN PRIMA SABAK BERNAM


Jangka Siap
Disember 2016

RUMAH TERES DUA TINGKAT



Harga jualan : Minima RM392,800.00
Maxima RM558,800.00

Sila hubungi
010-239 9922
019-555 6986



RUMAH KEMBAR DUA TINGKAT



Harga jualan : Minima RM558,800.00 Maxima RM604,800.00



PEMAJU : TELSU DEVELOPMENT (M) SDN. BHD. (157580-T)
PT4752 & PT4753, Tingkat 1, Jalan Sungai Limau, 45300 Sungai Besar, Selangor.
Tel : 03-3224 1251 Fax : 03-3224 3007

*No Lesen Pemasu : 11489-3/12-2016/01273(L) *Tempoh Sah Lesen : 17/12/2014 - 17/12/2016 *No Permit Iklan & Jualan : 11489-3/12-2016/01273(P)
*Tempoh Sah Permit : 17/12/2014 - 17/12/2016 *Jenis Hakmilik Tanah : Pemegang Bebas *Bebanan Tanah (Jika ada): Bebas *Pelan Bgn. Diluluskan
Oleh : MDSB Sabak BERNAM, Sel *No Rujukan Pelan : MDSB/OSC/B/1/64/2014(PB) *Tarikh Jangka Siap : Disember 2016

Titipan Banduan Muda

Refleks kehidupan Shazzwan

**ALUMNI
YAYASAN RAJA
MUDA
SELANGOR
BAHAGIAN 3**

OLEH AFEEQA AFEERA

MENGIMBAU kenangan lalu di Asrama Subang Jaya, Shazzwan berkata, kehidupannya tidak ubah seperti banduan dengan diletakkan di dalam sel dan dikawal ketat warden.

Mereka akan dihukum secara beramai-ramai jika ada yang membawa masuk barang terlarang seperti dadah dan alkohol ke dalam kawasan asrama.

Paling diingat adalah ketika diarahkan baring di tempat ikan secara beramai-ramai serta dibaling dengan mesin parut kelapa



dari atas.

Bagaimanapun, kenangan itu diabadikan sebagai memori yang mengubah hidupnya menjadi lebih baik dengan menjadikan kisah hitam lalu sebagai teladan.

"Ketika di asrama, kami tidak

mempunyai akses meluas untuk bergerak bebas, jam 7.30 malam turun makan dan kemudian kena naik semula dalam bilik.

"Ketika hari raya tidak dibenarkan pulang, cuma dibenarkan keluar untuk ke sekolah sahaja,"

katanya

Selamat tinggal dunia gelap

Setelah menamatkan sesi persekolahan, Shazzwan dibebaskan, namun tetap diburu 'persatuan' yang pernah mengenalnya dahulu meminta dia melakukan kerja lama.

Enggan kembali kepada zaman gelap, Shazzwan bertekad menyelesaikannya dengan cara tersendiri di samping menjalin kerjasama erat bersama pihak polis untuk memburu mereka yang bersalah.

Selepas tempoh enam bulan, dia nekad untuk fokus dalam bidang muzik bersama mentornya, Yogi B dengan belajar selok-belok penerbitan, penulisan lirik dan menggubah lagu.

2009 dianggap sebagai tahun kejayaan baginya kerana mampu membuka studio sendiri di Seksyen 13, Shah Alam, tetapi tidak bertahan lama ekoran dirompak.

"Disebabkan kerugian dan kos tinggi, saya terpaksa tutup studio itu, namun masih bergerak aktif membuat muzik. Projek Yayasan juga masih berjalan, cuma belum tahap untuk mengeluarkan album.

"Sehinggalah sudah berkeuarga, saya maklumkan kepada Yayasan bahawa saya bersedia dan akhirnya keluarlah album Titipan Banduan Muda yang berkongsi pengalaman sebagai juvana," katanya.

Beri peluang sama rata

Dia tidak mahu kesilapan lampau diulang semula, justeru fokusnya adalah mengekspresi-

kan pengalaman dan kisah hidup melalui muzik.

Penerbit, komposer dan penyanyi adalah bidang diceburinya kini dengan memberi peluang kepada penyanyi luar untuk menyertainya dalam proses rakaman lagu.

Katanya, kebanyakan penyanyi tempatan memiliki bakat, namun tidak diberikan ruang untuk menonjolkan kelebihan masing-masing.

"Saya hendak beri peluang kepada orang yang tiada peluang kerana saya tahu kesusahan itu bagaimana.

"Itu juga sebahagian daripada tanggungjawab saya untuk membantu mereka," katanya.

Motivasi dan harapan

Shazzwan kini diamanahkan untuk memberi motivasi kepada belia bermasalah selaras kehendak Yayasan, malah dia ingin membalas budi terhadap badan yang memberi peluang kedua kepadanya.

"Untuk mendapatkan sesuatu yang tidak pernah dimiliki, maka kita perlu buat sesuatu yang tidak pernah dilakukan. Itu adalah pegangan hidup Shazzwan untuk memastikan dia terus fokus dalam mencapai impiannya.

Walaupun belum dikenali seperti kebanyakan artis lain, namun Shazzwan tidak akan sesekali berputus asa untuk meneruskan kecintaan dalam muzik.

"Hidup perlu diteruskan, jangan berlari tetapi berjalanlah dengan tenang dan jangan lupa pandang ke belakang untuk melihat kita sentiasa berada di landasan betul," katanya.



KENYATAAN TAWARAN TENDER



Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor** yang berdaftar di dalam kelas/bidang berkenaan dan pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk memasuki tender bagi kerja-kerja berikut:

BIL.	BUTIR-BUTIR TAWARAN	KELAS PENDAFTARAN	TARIKH & TEMPAT JUALAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER	HARGA DOKUMEN (+6% GST)
1.	MEMBEKALKAN PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR DARI TERMINAL BAS KUALA SELANGOR KE PEKAN SEKINCHAN No. Tender : MDKS T 3/2016	KKM Kod Bidang: 110105 (Kod Bidang Baru) (Kenderaan Bermotor dan Tidak Bermotor (Bas)) DAN SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) DAN UPEN Unit Perancang Ekonomi Negeri	14 MAC 2016 (ISNIN) Jam 10.00 pagi Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Selangor, Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan Nota: Petender dikehendaki membawa Sijil Asal Perakuan Pendaftaran Kontraktor, SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat), Sijil Asal KKM (Kementerian Kewangan Malaysia) serta salinan Pengesahan Good & Services Tax (GST) dan UPEN yang masih SAH TEMPOH LAKUNYA semasa membeli dokumen tender. Petender juga dikehendaki membawa PENDAFTARAN SSM ASAL untuk penyemakan kawasan pendaftaran syarikat.	4 APRIL 2016 (ISNIN) Sebelum atau pada jam 12 t/hari Aras Bawah, Majlis Daerah Kuala Selangor, Jalan Majlis	RM53.00

- Dokumen Meja Tawaran dipamerkan mulai **14/03/2016 (ISNIN)** di Jabatan Perancangan Pembangunan dan Landskap, Tingkat 1, Majlis Daerah Kuala Selangor, Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan.
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada syarikat atau wakil yang **SAH** sahaja. Wakil syarikat dikehendaki membawa bersama Surat Wakil Kuasa.
- Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Tunai/Deraf Bank/Wang Pos di atas nama **Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Selangor**.
- Dokumen Tender yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti tertera di atas.
- Petender yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 3 bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.
- Dokumen Tender yang telah kehabisan sebelum tarikh tutup tidak akan diulang cetak.

**Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Selangor
Jalan Majlis, 45000 Kuala Selangor, Selangor Darul Ehsan**

Kekal terpelihara

Utamakan Bahasa Melayu

SHAH ALAM - Penggunaan Bahasa Melayu dalam pembelajaran dan pengajaran perlu lebih diutamakan khususnya dalam bidang pendidikan bagi memastikan penggunaannya dipertingkatkan.

Presiden dan Naib Canselor Universiti Selangor (UNISEL), Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman, berkata ia bertujuan memastikan Bahasa Melayu terus kekal terpelihara walaupun di

dalam era globalisasi masa kini.

"Walaupun bagaimanapun, saya tidak menolak kepentingan mempelajari Bahasa Inggeris yang sememangnya diketahui umum sebagai bahasa utama dunia. Tetapi kita perlu pastikan Bahasa Melayu terus terpelihara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap semasa Seminar Hala Tuju Pendidikan Negara Siri

2 yang diadakan di Dewan Pro Canselor UNISEL Kampus Shah Alam.

Turut hadir Exco Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Seminar itu juga disertai Presiden Kolej Dar al-Hikmah, Datuk Dr Siddiq Fadzil dan Pengerusi Gerakan Mansuh PPSMI, Profesor Dr Shaharir Mohamad Zain.

Lebih 700 pelajar menghadiri seminar itu yang membincangkan isu Dual Language Program (DLP): Ancaman Pada Dasar Negara.

DLP adalah dasar baru diperkenalkan Kerajaan Pusat tahun ini dan dipercayai penjenamaan semula dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI).

Walaupun bagaimanapun, saya tidak menolak kepentingan mempelajari Bahasa Inggeris yang sememangnya diketahui umum sebagai bahasa utama dunia

DR MOHAMMAD REDZUAN
Naib Canselor UNISEL

KUIS-YAPIS meterai MoU pembangunan pendidikan

BANDAR SERI PUTRA - Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) bagi menjalin kerjasama dalam pembangunan pendidikan aliran tahfiz dan pengajian Islam.

MoU antara kedua pihak berlangsung di Dewan Senat, KUIS itu mencatat sejarah tersendiri dan memberi manfaat besar terhadap dunia pendidikan di Selangor.

KUIS dalam kenyataannya menjelaskan, perjanjian itu dilakukan berdasarkan persefaha-

man antara pendidikan dalam aliran tahfiz serta pengajian berkenaan ilmu al-Quran dan Islam.

"Menerusinya, KUIS dan YAPIS dapat mengadakan pertukaran idea dan pengetahuan dalam pembangunan pengajian tahfiz al-Quran bagi tahap pendidikan awal kanak-kanak," katanya.

Majlis menandatangani MoU membabitkan Rektor KUIS, Prof Datuk Dr Ab Halim Tamuri dan Pengarah YAPIS, Dr Halimah Ali sambil disaksikan Prof Zainal Abidin Kidam dan Dr Mohamad Syukri Abdul Rahman.

'Champions UPSR' panduan pelajar ke peringkat menengah

KLANG - Seramai 130 pelajar terbaik dari empat buah sekolah dipilih menyertai program 'Champions UPSR' di Bilik Seminar Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), 8 Mac lalu.

ADN Selat Klang, Dr Halimah Ali, berkata program julung kali itu bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar sekolah rendah sebelum berada di peringkat menengah selepas menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Pencapaian UPSR ini digunakan sebagai penentu arah tuju pelajar terbabit di peringkat menengah.

"Keputusan itu juga menentukan sama ada (mereka) layak untuk meneruskan persekolahan di sekolah asrama penuh atau sekolah berprofil tinggi," katanya dalam kenyataan pada 11 Mac lalu.

Program kerjasama PPAS itu memberi tumpuan kepada pelajar supaya lebih berdaya saing ke arah kejayaan bersama pada



Halimah Ali

masa depan.

Lebih istimewanya, ia turut menampilkan penglibatan Timbalan Mufti Selangor, Dr Anhar Opir yang memimpin slot Solat Hajat Perdana bersama pelajar terlibat.

Selain itu, tokoh akademik negara, Profesor Emeritus Datuk Dr Abdul Latif Ibrahim juga hadir berkongsi jejak langkah beliau sebagai ilmuwan terkemuka negara.



Sedia kaji jadikan silat kegiatan kokurikulum KAFA

SHAH ALAM - Cadangan menjadikan seni persilatan Melayu sebagai kegiatan kokurikulum di Sekolah Agama KAFA akan dikaji, kata Exco Hal Ehwal Islam, Adat Melayu dan Warisan, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi.

Kata Dr Ahmad Yunus, beliau sedia mengadakan perbincangan dengan pihak sekolah dan pihak terlibat bagi memasti-

kan rancangan ini boleh dilaksanakan tanpa menjejaskan operasi persekolahan.

"Seni persilatan Melayu merupakan seni warisan Melayu turun temurun yang perlu dipelihara.

"Dengan menjadikan sebagai kokurikulum di Sekolah KAFA akan memberi peluang kepada pelajar sekolah agama KAFA belajar seni silat ini," kata Dr Ahmad

Yunus kepada SelangorKini.

Terdahulu, Ahli Dewan Negeri (ADN) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman mencadangkan supaya sekolah agama KAFA di Selangor menjadikan seni persilatan sebagai aktiviti korikulum mereka.

Jelasnya, beliau juga bersedia bertemu ketua perguruan silat bagi membincangkan isu ini.

UNISEL lahir atlet bertaraf antarabangsa

SHAH ALAM - Program Sains Sukan ditawarkan Universiti Selangor (UNISEL) berjaya melahirkan pelumba basikal yang mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa, Muhammad Rauf Nur Misbah.

Pengarah Pusat Sukan UNISEL, Dr Mohd Norazwan A Bakar, berkata kejayaan itu diperolehi ekoran kemampuan Muhammad Rauf mengaplikasikan pengetahuannya dalam bidang sukan diceburinya.

"Apabila mahir dalam akademik khususnya sebagai pelajar Sains Sukan, beliau dapat mengaplikasikan pengetahuannya dalam aktiviti sukan terlibat sehingga membawa kejayaan kepadanya," katanya.

Antara pencapaian Muhammad Rauf di peringkat antarabangsa ter-

UNISEL berusaha melahirkan atlet dalam pelbagai bidang sukan bagi mengharumkan nama Selangor dan Malaysia pada peringkat antarabangsa

MOHD NORAZWAN
Pengarah Pusat Sukan UNISEL

masuk mewakili negara dalam Kejohanan Tour de Korea 2013 (TdK 2013), Tour of Thailand dan lain-lain.

Selain kejayaan Muhammad Rauf, UNISEL turut melakar kejayaan menduduki tempat kelapan



dalam Kejohanan Sukan Intitut Pengajian Tinggi (SUKIPT) awal tahun ini berbanding lebih 20 pasukan yang mengambil bahagian.

"UNISEL berusaha melahirkan atlet dalam pelbagai bidang sukan bagi mengharumkan nama Selangor dan Malaysia pada peringkat antarabangsa," katanya.



Shah Alam Trees For Life 2016

Suntik elemen bandar raya dalam taman

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Sejumlah RM3,000 disumbangkan Telekom Malaysia (TM) Selangor bagi menyokong program penanaman pokok 'Shah Alam Trees For Life 2016' anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Ketua Komunikasi Korporat MBSA, Shahrin Ahmad, berkata peruntukan itu digunakan bagi menanam 500 batang pokok jenis *Tecoma Stans* dan *Bucida Molinetii* di sekitar kawasan Persiaran Damai, Seksyen 14.

Katanya, MBSA mengalu-alukan penyertaan badan korporat dan syarikat swasta yang ingin melaksanakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) menyertai program itu.

"Penganjuran program seperti ini dapat memberikan wajah baru dengan konsep

teduhan hijau pada kawasan persekitaran terbabit.

"la sekali gus dapat menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya dalam taman," katanya dalam kenyataan.

Seramai 250 peserta termasuk 40 kakitangan TM Selangor, 43 pelajar Sunway College, lima pelajar Sekolah Kebangsaan Subang Bestari 2, sukarelawan serta kakitangan MBSA terlibat dalam aktiviti itu.

Katanya, program itu adalah komitmen berterusan MBSA menghijaukan landskap bandar raya Shah Alam melalui aktiviti penanaman pokok.

"Selain itu, program ini juga bertujuan menerapkan budaya kerja secara sukarelawan kepada para peserta khususnya golongan muda," katanya.

Penganjuran program seperti ini dapat memberikan wajah baru dengan konsep teduhan hijau pada kawasan persekitaran terbabit. la sekali gus dapat menjadikan Shah Alam sebagai bandar raya dalam taman

SHAH RIN AHMAD
Ketua Komunikasi Korporat MBSA

Pemenang Mini ZEEBEE terima insentif CERIA

SHAH ALAM - Pemenang Anugerah Hijau Zon Bersih Mini (Mini ZEEBEE) Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kategori perumahan bertingkat layak menyertai Skim Bantuan Baik Pulih Harta Bersama Bagi Pangsapuri (CERIA).

Perkara itu diumumkan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali ketika berucap pada Majlis Penganugerahan Mini ZEEBEE 2015 di Hotel Concorde pada 9 Mac lalu.

"Saya kagum dengan kesungguhan penduduk menunjukkan kemahiran masing-masing dalam menjayakan program ini.

"Justeru, apabila Dato' Ban-

dar 'mengarahkan' saya memberi pertimbangan atau insentif program CERIA kepada pangsapuri berjaya dalam program Zon Hijau dan Bersih, saya tidak ada pilihan," katanya.

Terdahulu, Datuk Bandar MBSA, Ahmad Zaharin Mohd Saad dalam ucapan aluannya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya pemenang kategori perumahan bertingkat dipilih menyertai Skim CERIA.

Katanya, sumbangan itu adalah penghargaan terhadap usaha murni dijalankan penduduk untuk mencantikkan bangunan dan memulihkan persekitaran uzur.

"Saya ingin mengambil ke-



sempatan memohon kepada Kerajaan Negeri supaya mempertimbangkan untuk melaksanakan Skim CERIA bagi

pangsapuri di Shah Alam yang mempamerkan inovasi sangat baik dalam program Mini ZEEBEE," katanya.

MPSJ bangunkan hutan bandar demi lestari alam

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bakal membangunkan Taman Rekreasi Hutan Bandar selaras dengan usaha membentuk Pelan Tindakan Bandar Hijau MPSJ 2030.

Menurut kenyataan MPSJ, Majlis Upacara Pecah Tanah bagi melancarkan taman rekreasi itu bakal diadakan di USJ 3C pada 19 Mac ini.

la adalah projek Hutan Bandar pertama dilaksanakan di Subang Jaya melalui pemuliharaan kawasan hutan belukar sedia ada dengan keluasan 7.86 ekar.

Rancangan pembangunan keseluruhan taman rekreasi dengan landskap lembut dilengkapi pelbagai kategori pokok hutan tropika itu dijangka siap pada penghujung September 2016.

Pembangunannya kelak boleh dimanfaatkan sebagai 'Intergrated Playground Centre' kerana menyediakan kemudahan komprehensif untuk komuniti.

Antara kemudahan bakal disediakan adalah trek bersukan, *walk board*, taman hutan, *open lawn*, *mountain bike trail*, taman permainan kanak-kanak dan gimnasium aktiviti luar.

67 premis gagal patuhi panduan dikenakan tindakan

SHAH ALAM - Sebanyak 67 premis dikenakan tindakan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) ekoran gagal mematuhi garis panduan struktur pembinaan bangunan.

Pegawai Komunikasi Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan, berkata tindakan diambil dalam Operasi Kerja Perobohan Bagi Binaan Penuutup Longkang atau Tambahan Struktur di kawasan berkenaan di Kawasan Komersial MPSJ, Jalan Kenari, Bandar Puchong Jaya.

"Kita mengambil tindakan hanya selepas tempoh notis sebulan diberikan tamat pada 4 Mac lalu.

"Sebelum itu 90 premis diberikan Notis Pemberitahuan Bangunan namun hanya 23 premis mengambil langkah tindakan sendiri," katanya.

Katanya, tindakan diambil mengikut Seksyen 72, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

"Operasi itu susulan Kempen Longkang Bersih dilaksanakan pada 1 November 2015 dan berakhir 31 Januari lalu bertujuan memastikan keadaan longkang di kawasan itu sentiasa bersih melalui kerjasama premis.

"MPSJ juga melaksanakan pelan penguatkuasaan, pemeriksaan kesihatan, kompaun dan pelan lain secara berterusan jika masih ada pemilik premis yang masih berdegil," katanya.

Selepas tindakan penguatkuasaan dan undang-undang dilaksanakan, program penambahbaikan seperti kerja turapan, tambah petak parkir dan menaik taraf landskap dilakukan di seluruh kawasan komersial.

Komitmen bandar raya rendah karbon

MBPJ terima pengiktirafan antarabangsa

OLEH ERMIZI MUHAMAD

PETALING JAYA - Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) diiktiraf di peringkat antarabangsa selepas menjadi contoh terbaik negara luar dalam usaha mengurangkan penggunaan karbon di peringkat global.

Datuk Bandarnya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pemilihan itu diumumkan pada Persidangan Antarabangsa WWF (ICLEI) yang diadakan di Seoul Korea, baru-baru ini.

"Petaling Jaya sudah menjadi contoh bandar terbaik penggunaan karbon rendah berbanding bandar raya lain dari seluruh dunia di persidangan antarabangsa baru-baru ini.

"Ini menunjukkan komitmen kita untuk mengekalkan teknologi hijau di Malaysia," katanya pada Majlis Perasmian Pengurusan Karbon Fasa II di Bilik Gerakan bangunan MBPJ pada 11 Mac lalu.

Katanya, pengumuman itu sekali gus membuka ruang kepada MBPJ untuk meneruskan pelbagai program bersama pihak luar bagi mencapai status bandaraya rendah karbon.

Usaha berkenaan diteruskan dengan kerjasama Carbon Trust United Kingdom menerusi program Pengurusan Karbon Fasa II sejak tahun lalu.

Tidak terhenti setakat itu, Mohd Azizi berkata, MBPJ merangka pelbagai program jangka panjang bagi melahirkan bandar raya bebas karbon pada masa depan.



MBPJ akan terus mengambil langkah konsisten untuk menyuntik kesedaran kepada masyarakat bagi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandaraya bebas karbon menjelang 2030

MOHD AZIZI
Datuk Bandar Petaling Jaya

"Saya mengulangi bahawa MBPJ akan terus mengambil langkah konsisten untuk menyuntik kesedaran kepada masyarakat bagi menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya bebas karbon menjelang 2030," katanya.

Tangani pencemaran udara dengan bas elektrik

PETALING JAYA - Dua perkhidmatan bas elektrik disediakan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sebagai inisiatif mengurangkan masalah pencemaran udara di kawasan itu.

Datuk Bandarnya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata pihaknya sentiasa memberi tumpuan ke arah mengekalkan Petaling Jaya sebagai bandar raya mesra alam.

"Sebagai bentuk kesedaran kepada masyarakat, MBPJ memainkan peranan sangat berkesan dengan memperkenalkan perkhidmatan bas elektrik di kawasan ini.

"Dalam tempoh itu, sebanyak dua perkhidmatan bas elektrik digunakan daripada 22 bas percuma disediakan sebelum ini," katanya pada Majlis Perasmian Pengurusan Karbon Fasa II di Bilik Gerakan bangunan MBPJ pada 11 Mac lalu.

Hadir sama, Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Johary Bin Anuar, wakil kedutaan British, Paul Rennie dan wakil Pengurusan Karbon (Malaysia), Robert Hatcher.

MBPJ sebelum ini menjalin kerjasama bersama Rapid Bas Sdn Bhd yang mula beroperasi Februari lalu.

Perkhidmatan hasil kerjasama Rapid Bas Sdn Bhd itu mula beroperasi Februari lalu. membabitkan beberapa jalan utama di sekitar Taman Jaya, Petaling Jaya Selatan, Pusat Perubatan Universiti Malaya (PMUM) dan Subang Jaya.

Selain mampu menjimatkan penggunaan karbon, perkhidmatan itu juga dilihat berkesan dalam mengurangkan kesesakan lalu lintas di sekitar Petaling Jaya.

Pada masa sama, Mohd Azizi berkata, MBPJ turut menekankan penggunaan penghawa dingin pada 24 darjah celsius dan pemantauan penggunaan alatan elektrik pada tahap minima dalam usaha mengurangkan penggunaan karbon.



MBPJ kenal pasti langkah penjimatan tarif elektrik

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bersedia terhadap sebarang kemungkinan peningkatan kadar tarif elektrik.

Datuk Bandarnya, Mohd Azizi Mohd Zain, berkata MBPJ sedang meneliti beberapa kaedah yang boleh diambil bagi tujuan pengurangan perbelanjaan.

"Tahun-tahun sebelum ini MBPJ menggunakan purata RM10 juta bagi tujuan pembayaran bil elektrik.

"Berdasarkan analisis pihak kami, 35 peratus penggunaan itu adalah lampu yang mengandungi 19 juta kilowatt.

"Dengan tarif elektrik yang mungkin akan meningkat, kami

mula mencari jalan untuk mengenali pasti langkah penjimatan tenaga dan wang," katanya pada Majlis Perasmian Pengurusan Karbon Fasa II di Bilik Gerakan bangunan MBPJ pada 11 Mac lalu.

Pada masa sama, kerajaan sebelum ini mengumumkan kadar tarif elektrik tidak akan dikurangkan ekoran kedudukan nilai ringgit yang masih rendah.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, berkata semakan semula tarif elektrik juga tidak dibuat memandangkan ketetapan kadar tarif asas iaitu 38.53sen/kWj diteruskan sehingga 31 Disember 2017.

Turun padang bersama banteras denggi

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) turun padang dan membersihkan Taman Pendamar Indah, Pandamaran susulan reaksi penduduk dengan peningkatan kes demam denggi di kawasan terbabit.

Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi bagaimanapun menyangkal dakwaan penduduk yang menyatakan tiada tindakan pembersihan dijalankan pihak

berkuasa tempatan (PBT) itu sejak tiga tahun lalu.

Katanya, MPK sentiasa melakukan pembersihan sampah pukat dan sampah biasa di kawasan perumahan berkenaan mengikut jadual ditetapkan.

"Hampir 3,000 kediaman di kawasan itu merekodkan 18 kes denggi untuk Januari dan Februari lalu.

"MPK sentiasa memantau dan memeriksa semua tapak yang

berpotensi menjadi kawasan pembiakan nyamuk aedes," katanya dalam kenyataan.

Pada 8 Mac lalu, lebih 50 penduduk Taman Pendamar Indah berhimpun secara aman bagi menyuarkan rasa kesal dan kecewa sehingga kawasan itu menjadi lokasi wabak denggi.

Mengulas lanjut, Adi Faizal berkata, longgokan sampah sarap di kawasan perumahan itu sebenarnya bukan dilakukan penduduk tetapi angkara pihak tidak bertanggungjawab membuang sampah.

"Sampah haram dari luar itu seterusnya mengakibatkan pembiakan nyamuk aedes.

"Diseru penduduk supaya bersama-sama menjaga kebersihan dan turun membersihkan kawasan mereka," katanya.



Penganjur MWM gembira sambutan menggalakkan peserta wanita

SHAH ALAM - Penganjur Malaysia Women Marathon (MWM) 2016 gembira dengan sambutan menggalakkan daripada golongan itu untuk menjayakannya selama empat tahun berturut-turut.

Pengurus Komunikasi Korporat Tourism Selangor, Ahmad Nazri Tashriq Rahmat, berkata penganjuran kali ini memberikan inspirasi semangat persaudaraan wanita memandang terdapat beberapa perubahan termasuk laluan larian baru.

"Angka penyertaan wanita kali ini memberikan inspirasi kerana kita meraikan Hari Wanita Sedunia dua hari lebih awal.

"Dengan penutupan beberapa jalan, pelari berjaya menamatkan saingan penuh selama enam jam 30 minit," katanya dalam kenyataan.

Hari Wanita Sedunia disambut pada 8 Mac setiap tahun.

Peserta larian MWM 2016 bermula di Dataran Kemerdekaan Shah Alam dilepaskan Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sambil diiringi isteri, Datin Seri Shamshida Taharin.

Mohamed Azmin memuji inisiatif Tourism Selangor kerana



menganjurkan MWM secara tahunan bahkan Kerajaan Negeri menghargai keupayaan wanita dan memastikan peranan golongan itu terus diperkasakan.

MWM 2016 melintasi Kota Kemuning dan bandar Rimbayu menerusi Lebuhraya Kemuning

Shah Alam (LKSA) sebelum kembali ke pusat bandar sejauh 42 kilometer.

Selain itu, MWM 2016 turut melibatkan acara Etiqa Halaf Marathon sejauh 21 kilometer, larian 10 kilometer dan 5 kilometer fun run.



Sempena Hari Wanita

DUN Teratai edar 505 bunga

OLEH SYASYA SUFIAN

SHAH ALAM - Sebanyak 505 kuntum bunga diedar di kawasan DUN Teratai di kawasan itu bagi menghargai golongan wanita sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia 2016 yang disambut pada 8 Mac.

Ahli Dewan Negeri (ADN) Teratai, Tiew Way Keng, berkata tujuannya selaras dengan tema Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk mencapai solidariti kesaksamaan gender dalam #heforshe

"Wanita pada masa kini dilihat

antara penyumbang besar kepada negara dan pemberian bunga ini sebagai tanda penghargaan kita kepada mereka kerana ada di antara wanita ini tidak pernah menerima bunga," katanya kepada SelangorKini.

Sebelum itu, katanya DUN Teratai menjalankan Program Kesedaran Wanita yang disertai anak muda berkenaan kesedaran kehidupan sebagai wanita.

"Program itu secara tidak langsung membuka minda anak muda khususnya para suami untuk lebih memahami dan menghargai kaum wanita," katanya.

PWB anjur program buat tempe dan roti



SHAH ALAM - Seramai 25 wanita menyertai Program Membuat Tempe anjuran Pusat Wanita Berdaya (PWB) DUN Kajang.

Menurut laman facebook PWB Kajang, program yang bermula sewal jam 9.30 pagi itu diadakan di Dewan Pangsupuri Makmur pada 13 Mac lalu.

Menerusnya, peserta diajar menyediakan makanan tradisional masyarakat Jawa itu da-

ripada Penyelia PWB DUN Serkinchan.

Manakala di PWB DUN Sementa Bengkel Membuat Pelbagai Jenis Roti dengan kerjasama JKKK Kampung Sungai Serdang pada 12 Mac lalu.

Setiap program dilaksanakan PWB bertujuan untuk membantu golongan wanita di Selangor mempelajari pelbagai ilmu bagi menjana pendapatan sampingan.



MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR



KENYATAAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada **semua operator bas yang berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD)** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja sebut harga yang berikut:

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARIKH TENDER TUTUP
Cadangan Membekalkan perkhidmatan bas Smart Selangor di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	RM 150 (Tidak akan dikembalikan)	Dijual secara "On-Line" di laman web www.tender.selangor.gov.my Isnin, 14 Mac 2016 hingga 4 April 2016	Kod Bidang 110105	Tidak berkaitan	4 April 2016 (Isnin)

Naskhah dokumen meja Tender boleh disemak di **Jabatan Perancang Bandar, Majlis Daerah Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor** pada waktu pejabat bermula pada Isnin 14 Mac 2016. Butiran dan maklumat lanjut boleh didapati dengan melayari laman web Negeri Selangor iaitu www.tender.selangor.gov.my bermula pada tarikh seperti dinyatakan di jadual.

Operator yang berminat dan belum mendaftar secara "On-Line" adalah dikehendaki mengemukakan permohonan pendaftaran ke alamat tersebut bagi membolehkan pembelian dokumen dibuat. Kaedah Pembelian secara "On-Line" di laman web yang tertera.

Dokumen Tawaran yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dimeterai dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran **Jabatan Perancang Bandar, Majlis Daerah Hulu Selangor** tidak lewat dari **4 April 2016 jam 12.00 tengah hari** pada tarikh yang dinyatakan.

Watikah kali pertama dalam sejarah

Imam komited tingkat aktiviti dan perkhidmatan

OLEH NAZLI IBRAHIM

KLANG - Imam masjid seluruh Selangor terharu apabila kali pertama dalam sejarah dikurniakan Watikah Pelantikan Imam-Imam Masjid Selangor oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Imam Besar Masjid Negeri, Muhammad Farhan Wijaya, berkata pengurniaan itu menyebabkan beliau lebih bersemangat mengurus hal ehwal masjid termasuk menyediakan pelbagai aktiviti masyarakat.

"Bila kita diberikan amanah (watikah), kita perlu melihat ke hadapan untuk meneruskan program masjid lebih sistematik dan terancang terutamanya dalam

sistem pengurusan masjid sudut aktiviti, kewangan dan perkhidmatan.

"Adanya watikah sebegini menjadikan imam kita lebih berkualiti dan di sudut pengiktirafan dan semangat imam mengimarahkan masjid pula, tentunya bertambah," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian di Istiadat Pengurniaan Watikah Pelantikan Imam-Imam Masjid Negeri Selangor di Balairung Seri, Istana Alam Shah pada 8 Mac lalu.

Imam Masjid Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Imam Paduka Tuan Mohd Rasid Mahful berkata, watikah pelantikan itu memberi suntikan motivasi kepada beliau sendiri.

"Ini pengiktirafan paling bermakna dan kami menyahut titah Tuanku Sultan Selangor untuk memberi penerangan dan memimpin masyarakat melalui program agama, ceramah dan motivasi," katanya

Imam Masjid Al-Huda, Paya Jaras, Othman Ab Kadir pula berkata, pihak pengurusan masjidnya giat memperkemas pelbagai program pengimarahkan masjid.

"Program pengajian untuk menyediakan generasi muda khususnya sebagai golongan pelapis dipertingkatkan.

"Antara program diatur, kursus imam dan bilal, kursus mengurus jenazah dan banyak lagi kursus lain yang sudah dirancang dan kita kembangkan lagi," katanya.



Mad Velocifero 1600 mudahkan kawal selia masjid

SHAH ALAM - Dua skuter elektrik Mad Velocifero 1600 disumbangkan kepada Masjid Negeri Shah Alam dan Masjid Al-Ikhlash, Seksyen 13 bagi memudahkan urusan kawal selia masjid terbabit.

Ketua Pegawai Eksekutif Cervello Tres, Azrul Helmy Hafiz, berkata sumbangan bernilai RM13,000 dan penyelenggaraan secara berterusan akan dilakukan pihak syarikat.

"Kami dari awalnya memang berniat mewakaf ia kepada masjid bagi tujuan pengurusan dan Alhamdulillah hari ini kita dapat melaksanakannya.

"Kami akan terus menjalinkan hubungan dengan masjid lain jika berminat, malah sudi mewakafkan untuk kebaikan bersama," katanya kepada SelangorKini.

Cervello Tres dimiliki tiga anak muda itu adalah syarikat baru bertapak di negara ini, bagaimanapun sambutan diterima amat menggalakkan.

Azrul yang juga anak jati Selangor menjangkakan sebanyak 10,000 unit



akan terjual di Malaysia sehingga hujung tahun ini.

"Kita bertanggungjawab memperluaskan pasaran skuter elektrik ini bukan sahaja di Malaysia malah Singapura dan Brunei.

"Setakat ini sambutan amat menggalakkan, kami juga sudah menerima tempahan 2,500 unit," katanya.

Sementara itu, Imam Besar Masjid Negeri, Muhammad Farhan Wijaya berharap pemberian itu akan memudahkan kakitangan masjid membuat kawal selia kawasan sekitar.

"Semoga sumbangan ini memudahkan pentadbiran masjid dari sudut kawal selia dan ke tempat lain. InsyaAllah kita akan gunakan sebaiknya," katanya.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
18 - 25 MAC 2016							
9 - 16 JAMADILAKHIR 1437H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5.53	6:03	7.17	1:24	4:31	7:26	8:35
19 Sabtu	5.53	6:03	7.17	1:24	4:30	7:26	8:35
20 Ahad	5.52	6:02	7.17	1:23	4:29	7:26	8:35
21 Isnin	5.52	6:02	7.16	1:23	4:28	7:26	8:34
22 Selasa	5.51	6:01	7.16	1:23	4:27	7:25	8:34
23 Rabu	5.51	6:01	7.15	1:23	4:26	7:25	8:34
24 Khamis	5.51	6:01	7.15	1:22	4:25	7:25	8:34
25 Jumaat	5.50	6:00	7.15	1:22	4:24	7:25	8:34
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
18 Jumaat	5.55	6:05	7.21	1:26	4:33	7:28	8:37
19 Sabtu	5.55	6:05	7.21	1:26	4:32	7:28	8:37
20 Ahad	5.54	6:04	7.20	1:26	4:31	7:28	8:37
21 Isnin	5.54	6:04	7.20	1:25	4:30	7:28	8:37
22 Selasa	5.54	6:04	7.19	1:25	4:29	7:28	8:36
23 Rabu	5.53	6:03	7.19	1:25	4:28	7:27	8:36
24 Khamis	5.53	6:03	7.19	1:24	4:27	7:27	8:36
25 Jumaat	5.52	6:02	7.18	1:24	4:26	7:27	8:36

YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI
EXCO Kerajaan Negeri Selangor

KEMPEN KESEDARAN WUDUK SEMPURNA Jimat Air

Diterbitkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu Dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi

Bantuan Sihat Selangor

Lebih 90 peratus pemohon terima manfaat sejak 2009

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

SHAH ALAM - Lebih 90 peratus pemohon Program Bantuan Sihat Selangor menerima manfaat program itu sejak ia dilaksanakan pada 2009 bagi membantu golongan kurang berkemampuan.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata

jumlah itu merangkumi pemohonan dari seluruh Selangor meliputi semua bentuk kes bantuan yang termaktub di bawah program berkenaan.

"Berdasarkan anggarannya lebih 90 peratus pemohon menerima

manfaat bantuan.

"Bagaimanapun, selebihnya kemungkinan permohonan ditolak mungkin kerana tidak mengikut syarat atau borang permohonan mereka tidak lengkap dan tidak boleh diproses," katanya kepada

SelangorKini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Program I-Care, Prihatin dan Penyayang di Dewan Masjid Puncak Alam, pada 12 Mac lalu.

Skim bantuan itu menetapkan beberapa prasyarat utama kelulusan sebelum bantuan disalurkan kepada mereka yang berkecukupan.

Antaranya, pemohon mestilah rakyat negeri Selangor dengan pendapatan RM3,000 ke bawah dan tidak terikat dengan sebarang bantuan lain.

Di bawah Bantuan Sihat Selangor, terdapat beberapa jenis bantuan diberikan, antaranya Pembedahan Kecil, Katarak Mata, Dialisis Buah Pinggang, Kaki Palsu dan lain-lain permohonan.



Kursus 'Belajar Bahasa Isyarat', rapatkan jurang OKU

SHAH ALAM - Kursus Belajar Bahasa Isyarat dilaksanakan April ini diharap mampu merapatkan jurang komunikasi golongan cacat pendengaran dan pertuturan dengan masyarakat setempat.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi, berkata inisiatif itu dilaksanakan bagi memudahkan komunikasi dua hala berjalan dengan baik.

"OKU cacat pendengaran dan pertuturan juga memerlukan interaksi bersama masyarakat, tetapi jika masyarakat tidak faham, bagaimana proses itu boleh berjalan dengan baik.

"Justeru, kita buka ruang dengan mewujudkan program ini kepada masyarakat terutamanya kepada kakitangan kerajaan dan akan dilebarkan lagi kepada ma-

sarakat lain," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, penjawat awam perlu mempunyai pengetahuan asas bahasa isyarat supaya golongan itu tidak disisihkan atau wujudnya amalan diskriminasi terhadap mereka.

"Sewaktu berkhidmat sebagai doktor gigi, memang ada sedikit kesukaran bila berdepan dengan pesakit OKU untuk kita faham keperluan mereka.

"Ini jelas menunjukkan bahawa komunikasi dua hala bersama mereka penting supaya tidak timbulnya diskriminasi khususnya di jabatan kerajaan," katanya.

Program berkenaan dilaksanakan selama tiga hari dengan memberi tumpuan kepada kemahiran asas penggunaan bahasa isyarat bagi penjawat awam.



Daroyah menerima jambangan bunga tanda penghargaan

Mengapa tidak semua layak mendapat zakat?

SHAH ALAM - Setiap orang punya kesusahan masing-masing baik sudah berkeluarga, bekerja atau tidak.

Namun, harus diketahui tidak semua layak mendapat bantuan zakat jika mereka bukan tergolong sebagai asnaf fakir dan miskin.

Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam paparan di Facebook berkata, setiap permohonan diterima akan disemak terlebih dahulu untuk mengesahkan kelayakan si pemohon.

"Kami menerima banyak permohonan untuk menjadi asnaf fakir miskin, tetapi tidak semua diluluskan.

"Mengapa tidak lulus? Antara sebab utama adalah mereka

tidak menepati haddul kifayah iaitu garis penentu kelayakan asnaf," katanya.

LZS berkata, kelayakan ditentukan melalui pendapatan atau perbelanjaan ketua dan isi rumah.

Institusi itu turut memberi contoh keadaan di dalam sebuah rumah di mana ibunya berusia dan tiada pendapatan, tetapi di rumah sama memiliki tiga anak bekerja.

"Keluarga itu di dalam rumahnya ada televisyen ber-saiz 42 inci, peti ais penuh dengan makanan, melanggan Astro dan miliki kereta Honda City.

"Adakah ibu ini layak menerima bantuan sebagai asnaf miskin?" soalnya.



i-Care prihatin, peduli kebajikan OKU

SHAH ALAM - Program kemasyarakatan i-Care mencerminkan kesepakatan dan komitmen masyarakat terhadap kebajikan golongan orang kelainan upaya (OKU), kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Beliau berkata, usahasama pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) dan Kerajaan Negeri diperlukan bagi memastikan golongan itu tidak tercicir menerima pelbagai manfaat berterusan daripada kerajaan.

"Kerajaan Negeri sentiasa memberi sokongan padu sama ada dalam bentuk kursus, dana dan peluang untuk melihat masyarakat saling membantu khu-

susnya dari segi aspek kesihatan golongan OKU," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian program i-Care, Prihatin dan Penyayang di Dewan Masjid Puncak Alam pada 12 Mac lalu.

Hadir sama, Yang diPertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Noraini Roslan, Ketua Agihan dan Pungutan Lembaga Zakat Daerah Kuala Selangor, Abdul Razak bin Razali.

Program itu adalah projek kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Khidmat Masyarakat DUN Jeram (PKM) Lembaga Zakat Selangor (LZS) dengan penglibatan pelbagai agensi badan bukan kerajaan.

i-Care ditubuhkan sejak 2009 menjadi landasan berkesan dalam usaha membudaya dan memperkasakan kebajikan masyarakat di Puncak Alam.

Beliau berkata, i-Care juga memperluaskan usaha murni itu dengan melakukan aktiviti ziarah golongan OKU, program lawatan keluarga miskin, ziarah mualaf dan kanak-kanak istimewa.

"Dalam tempoh tujuh bulan, sebanyak 148 buah rumah di-ziarahi dan bantuan bersama pihak zakat dan agensi dilakukan.

"Hampir separuh daripada ziarah i-Care itu adalah pesakit kanser dan buah pinggang," katanya.



Kejayaan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016

Selangor bukti kemampuan

OLEH HAFIZAN TAIB

SERDANG - Pemilihan Litar Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) sebagai gelanggang pembuka tirai Kejayaan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016 membuktikan Selangor lokasi tumpuan bagi sukan permotoran itu.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata penganjuran semula perlumbaan di negeri itu mulai tahun lalu membawa banyak kelebihan demi kemajuan sukan berkenaan.

"Kita berbesar hati Selangor di-

pilih sebagai salah satu destinasi di mana kali pertama diadakan di lokasi sama tahun lalu selepas hampir lapan tahun tidak diadakan di negeri ini.

"Ini membuktikan Selangor sebagai salah satu lokasi tumpuan," katanya kepada SelangorKini pada 13 Mac lalu.

Beliau berkata, Selangor amat sesuai sebagai hab sukan permotoran kerana selain MAEPS, negeri itu juga memiliki litar di Sepang dan terbaru litar lumba rakyat di Kuala Selangor.

Katanya, sokongan semua pihak termasuk dari kerajaan dan swasta amat diperlukan bagi menayakan tujuan itu.

"Litar lumba rakyat di Kuala Selangor baru dibina kira-kira dua ke tiga tahun lalu sesuai bagi tujuan latihan dijalankan hampir setiap minggu.

"Daripada maklum balas diterima, ramai pelumba bertanding di sini terutama 'beginner' yang juga menjalani latihan di litar berkenaan," katanya.

Perlumbaan pusingan pertama Kejayaan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016 diadakan di litar MAEPS pada 12 dan 13 Mac lalu.

Kejayaan sepuluh pusingan itu akan bersambung ke pusingan kedua di litar Batu Kawan, Pulau Pinang pada 16 dan 17 April depan.

Isu tajaan pelumba Orang Asal di fasa akhir

SERDANG - Isu tajaan dihadapi pelumba muda Orang Asal, Azrul Affendi Hadi, 20, bagi menyertai siri perlumbaan Kejayaan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016, dijangka berakhir dalam tempoh terdekat.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari, berkata pihaknya sedang mengusahakan perkara itu dan yakin ia mampu diselesaikan.

"Kita sedang uruskan bantuan kepadanya dan kini memasuki peringkat terakhir.

"Saya dihubungi sejak ta-

hun lalu dan percaya dalam masa kira-kira sebulan ini dapat diselesaikan supaya kita boleh memberikan sumbangan meringankan bebanan pelumba terbabit," katanya kepada SelangorKini.

Azrul Affendi, juara kategori keseluruhan kategori Pro-Am tahun lalu berpindah ke kategori CP115 musim ini mewakili pasukan M Seki Liberty Honda.

Azrul, pelumba OA Racing Team untuk kategori Pro-Am pernah mendapat sumbangan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) seba-

nyak RM30,000 setahun bagi 2013 dan 2014 juga daripada Jabatan Belia dan Sukan (RM7,000).

Bagaimanapun, ia tidak mencukupi dan bapanya pernah berkorban menjual hartanah beberapa tahun lalu bagi memenuhi impian anaknya itu.

Pasukan M Seki Liberty Honda diwakili Azrul Affendi ketika ini berharap beliau mendapatkan penaja bagi menyokong kerjayanya dalam siri kejayaan Cub Prix seterusnya layak ke Asia Road Racing (ARR).

Amirul unggul kategori CP115

SERDANG - Tengku Amirul Haffiruddin mengeneipkan saingan sengit pelumba lain untuk menjuarai pusingan pertama kategori CP115 dalam Kejayaan Cub Prix AAM Malaysia Petronas 2016 di Litar Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), 14 Mac lalu.

Pelumba Motul Zeneos Yamaha, YY Pang menjuarai perlumbaan meninggalkan Md Fareez Afeez dari Felda PB Racing di tempat kedua dan pemenang ketiga, Md Harith Farhan Baharin (Idemitsu Kozi Yam Honda Racing).

Amirul menganggap kemenangan itu akan menguatkan tekadnya untuk terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam pusingan seterusnya selepas ini.

"Perlumbaan agak sengit bagi saya sejak dari awal hingga akhir, saya sendiri tidak menyangka boleh menaiki podium dan muncul juara kerana mendapat cabaran hebat pelumba lain," katanya.

Amirul yang ketinggalan pada awalnya kemudian berjaya memintas beberapa pencabar dan mendahului pusingan kelima hingga garisan penamat dalam perlumbaan 15 pusingan itu.

Beliau berterima kasih kepada pasukannya yang bekerja keras



Perlumbaan agak sengit bagi saya sejak dari awal hingga akhir, saya sendiri tidak menyangka boleh menaiki podium dan muncul juara kerana mendapat cabaran hebat pelumba lain

TENGGU AMIRUL Pelumba kategori CP115

menyediakan jentera terbaik untuknya berjaya dalam perlumbaan itu.

"Saya berusaha gigih untuk mengekalkan prestasi dan bersedia dari segi fizikal dan kecergasan diri, pastinya perlumbaan selepas ini lebih mencahar," katanya.

Sementara itu dalam kategori Wira, pelumba Idemitsu Kozi Yam Honda Racing, Mohd Shafiq Ezzariq melintasi garisan penamat untuk muncul juara kelas berkenaan.

Kasma Daniel cipta kejutan juara CP130

SERDANG - Pelumba muda Yamaha, Kasma Daniel Kasmayudin, mencipta kejutan apabila muncul juara dalam saingan kelas CP130 Kejayaan Cub Prix AAM Malaysia Petronas pada 14 Mac lalu.

Juara CP115 musim lalu yang berpindah ke kategori perdana memberikan cabaran hebat mengeneipkan pelumba lebih senior bagi meraih kemenangan pertama.

Beliau meninggalkan rakan sepasukan dari Petronas Yamaha Maju Motor, Ahmad Fazli Sham untuk tempat kedua dan Md Zaqqwan Zaidi (Givi Honda Yuzy Rac-

ing), ketiga.

"Strategi pasukan menjadi dan saya gembira dengan kemenangan ini, namun terkejut kerana berjaya menyaingi pelumba lebih senior.

"Jentera juga berfungsi baik membantu kemenangan ini dan momentum sama harap berterusan dalam pusingan seterusnya," kata pelumba 16 tahun itu.

Kasma Daniel berkata, kemenangan diraih tidak meleakakan, sebaliknya lebih bersedia kerana pasukan lain tentunya bakal mencabar hebat untuk kedudukan selesa dalam pungutan mata.



Selangor bukti kemampuan

KLANG - Pertandingan Piala Sultan Selangor kembali menemui penonton tahun ini selepas tertangguh tahun lalu angkara jerebu.

Perlawanan antara Pilihan Selangor dan Pilihan Singapura itu dijadualkan berlangsung di Stadium Shah Alam pada 7 Mei depan.

Pengerusinya, Tan Sri Abd Karim Munisar, berkata pertandingan kali ini dijangka berlangsung meriah dengan kehadiran ramai penonton.

"Ramai pihak termasuk peminat menunggu pertandingan ini setelah ia dibatalkan tahun lalu manakala Singapura juga dikeluarkan daripada pertandingan bola sepak negara termasuk Piala Malaysia," katanya kepada media selepas Majlis Penyerahan Cek Sumbangan pertandingan itu di Istana Alam Shah pada 9 Mac lalu.

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan hadir menerima cek sumbangan berjumlah RM900,000 yang turut dihadiri, Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Daripada jumlah itu, RM500,000

Piala Sultan Selangor kembali



disumbangkan anak syarikat Kerajaan Negeri membabitkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan Worldwide Holdings Berhad masing-masing menyumbang RM100,000 manakala Permodalan Negeri

Selangor Berhad (PNSB), Kumpulan Semesta Sdn Bhd, Perbadanan Negeri Selangor, Perbadanan Menteri Besar (MBI), Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) dan Kumpulan Darul Ehsan Ber-

had (KDEB) masing-masing RM50,000.

Sektor swasta yang turut serta menaja adalah Puncak Niaga Holdings Berhad (RM100,000) selain MCT Consortium Berhad, Splash Sdn Bhd, EcoWorld Development

Group Bhd, Nirvana Memorial Park Sdn Bhd, Ecofirst Consolidated Berhad dan LBS Bina Group Berhad masing-masing RM50,000.

Sesi bertemu pemain Pilihan Selangor akan diadakan di SACC Mall, Shah Alam pada 2 April ini.

KELAYAKAN PIALA DUNIA/PIALA ASIA

4 pemain dipilih Harimau Malaysia



OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Empat pemain The Red Giants dipilih menyertai Harimau Malaysia bagi mempamerkan aksi Kelayakan Piala Dunia 2018/Piala Asia 2019 pada 24 dan 29 Mac depan.

Empat pemain terbabit adalah Muhammad Shahrom Abdul Kalam, Muhammad Nazmi Faiz Mansor, Mohd Azrif Nasrulhaq Badrul Hisham dan Mohd Hafiz Kamal.

Shahrom dan Azrif adalah pemain pertahanan, manakala Nazmi dan Hafiz pemain tengah bagi pasukan Gergasi Merah.

Sebelum ini, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) berkata, kesemua pemain terpilih akan berkumpul di Wisma FAM, Kelana Jaya pada pagi 20 Mac ini sebelum berlepas ke Jeddah di sebelah petang un-

tuk aksi bertemu Arab Saudi pada 24 Mac.

Malaysia diundi dalam Kumpulan A bersama Palestin, Arab Saudi, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Palestin dan Timor Leste bagi kedua kejohanan berprestij itu.

Selepas mengharungi tujuh perlawanan, Malaysia kini menduduki tangga keempat Kumpulan A dengan mengutip empat mata, ketinggalan 12 mata di belakang Arab Saudi yang menghuni kedudukan teratas.

Sekembalinya dari Jeddah, skuad Harimau Malaysia dijadual bertemu Macau pada aksi perlawanan persahabatan di Stadium Hang Jebat, Melaka pada 29 Mac ini.

Red Giants tekad bangkit semula

SHAH ALAM - Leka pada awal dan hujung permainan digunakan sepenuhnya pasukan lawan menumpaskan skuad Bola Sepak Selangor dalam tiga perlawanan berturut-turut.

Pengurus Selangor, Amirudin Shari, berkata ia dapat dilihat apabila pasukan itu tewas dalam aksi Piala FA, Piala AFC dan saingan Liga Super.

Bagaimanapun, beliau kekal percaya pemain dan barisan kejurulatihan memberikan komitmen penuh dan wajar diambil kira.



"Saya bertemu Zainal Abidin Hassan dengan agenda memperbaiki kelemahan utama dan memperkemas taktikal pasukan.

"Saya optimis pemain tetap fokus dan bangkit memberikan cabaran dalam Liga Super dan Piala AFC," katanya dalam kenyataan media.

Sementara itu, Jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan nyata kecewa dengan kekalahan benteng pertahanan memberikan peluang mudah untuk Terengganu menja-

ringkan gol pada 11 Mac lalu.

Katanya, hilang fokus dan disiplin selepas Selangor berjaya menjaringkan gol penyamaan menjadi antara punca mereka gagal mengutip mata.

"Kecuaian sekali lagi mengecewakan kita. Kita kehilangan konsentrasi serta disiplin selepas menjaringkan gol (penyamaan)," katanya.

Tewas 3-1 di Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu adalah kekalahan pertama Selangor dalam saingan Liga Super.

KEDUDUKAN LIGA SUPER

	P	MT	M	S	K	J	B	+/-
1 JDT	5	13	4	1	0	9	2	7
2 Felda United	5	12	4	0	1	9	3	6
3 Selangor FA	5	10	3	1	1	10	7	3
4 Terengganu FA	5	9	3	0	2	6	5	1
5 Kelantan FA	5	8	2	2	1	7	5	2
6 Kedah FA	5	8	2	2	1	4	4	0
7 Penang FA	5	5	1	2	2	8	8	0
8 PDRM FA	5	5	1	2	2	4	6	-2
9 Perak FA	5	4	0	4	1	1	2	-1
10 T-Team	5	3	0	3	2	3	7	-4
11 Sarawak FA	5	2	0	2	3	6	10	-4
12 Pahang FA	5	1	0	1	4	5	13	-8